



**Tafsir Al-Quran
Berdasarkan
Tafsir Nur Al-Ihsan**

**TADABBUR AL-QURAN SIRI I:
SURAH AL-FATIHAH &
AL-BAQARAH**

Dr. Mohd Sholeh Sheh Yusuff
Tengku Zawani Tengku Zawawi
Dr. Yusuf Haji Othman
Abd. Naser Ismail

**Tafsir al-Quran Berdasarkan Tafsir
Nur al-Ihsan**

**TADABBUR AL-QURAN SIRI 1: SURAH
AL-FATIHAH & AL-BAQARAH**

Dr. Mohd Sholeh Sheh Yusuff
Tengku Zawani Tengku Zawawi
Dr. Yusuf Haji Othman
Abd. Naser Ismail

2020

ISI KANDUNGAN

Bil	Tajuk	Hal.
1	Kata Aluan Penyusun	v
2	Ringkasan Kandungan Juzuk al-Quran Pertama	vii
3	Surah al-Fātihah	1
4	Kandungan Surah al-Fātihah	2
5	Permulaan Surah	3
6	Surah al-Baqarah	8
7	Kandungan Surah al-Baqarah	8
8	Sifat al-Muttaqīn	13
9	Ahwāl Al-Musyrikīn: Perilaku Orang Musyrikin	14
10	Perihal Al-Munāfiqīn	16
11	Tamthīl Al-Munāfiqīn: Perumpamaan Orang Munafiq	24
12	Seruan Manusia Kepada Iman	30
13	Sabab Nuzul Ayat 26, Surah Al-Baqarah	36
14	Takjub (Rasa Aneh) Daripada Kufur Mereka Itu Serta Berdiri Burhān Dan Dalil Atas Bangkit Kubur	39
15	Kisah Kejadian Adam	42
16	Seruan Bani Israil	53
17	Huraian Nikmat Allah Atas Yahudi Sepuluh Perkara	62
18	Kisah Di Padang Pasir	70
19	Kisah Peristiwa Pinta Hujan	75
20	Kisah Bani Israil Yahudi Mengambil Janji	82
21	Kisah Peristiwa Penangkapan Ikan Pada Hari Sabtu	84
22	Kisah Berkaitan Lembu	87
23	Permulaan Kisah Pembunuhan Tersebut	93

TADABBUR AL-QURAN SIRI 1: SURAH AL-FATIHAH DAN AL-BAQARAH

Dr. Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Tengku Zawani Tengku Zawawi,
Dr. Yusuf Haji Othman, Abd. Naser Ismail

Cetakan Pertama 2020

Hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, atau pun dipindahkan dengan sebarang bentuk ayat dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, penggambaran semula dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

KUIN SDN. BHD

Universiti Islam Antarabangsa

Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS),

09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia

Cetakan oleh:

ASA MESRA PRINTER

No 9, Lot 33 Bandar Darul Aman,

06000 Jitra Kedah Darul Aman, Malaysia

Pihak Untuk Dihubungi:

Unit Pengurusan Penyelidikan

Pusat Pengurusan Siswazah & Penyelidikan

Tel.: +604-415 5087

Fax.: +604-415 5050

Email: rmu@unishams.edu.my

ISBN 978-967-0405-54-4

Oktober 2020

SINOPSIS BUKU

Aktiviti penghasilan buku dalam bidang tafsir al-Quran telah lama giat dijalankan oleh para sarjana Islam. Buku-buku yang dihasilkan itu bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada pembaca, malah ia juga berupaya memberi sumbangan dalam menyebarkan panduan dan kehendak agama Islam yang sebenarnya kepada masyarakat dengan lebih berkesan. Hal ini terhasil berikutan para guru di madrasah, institusi pondok, masjid dan surau di seluruh Malaysia menggunakan karya-karya tersebut sebagai bahan dalam penyampaian ilmu berkaitan tafsir al-Quran. Oleh itu, buku kecil ini disusun secara berperingkat yang dicadangkan akan diterbitkan sebanyak 60 siri pada setiap tahun. Buku ini menggunakan karya Tafsir Nur al-Ihsan, karangan Syeikh Muhammad Said bin Omar sebagai rujukan utama penulisan. Syeikh Muhammad Said bin Omar merupakan satu-satunya ulama Kedah yang berjaya menghasilkan tafsir berbahasa Melayu lengkap 30 juzuk al-Quran. Selain itu, tafsiran dan huraian dari karya-karya muhtabar lain seperti Tafsir al-Jalalyn, Tafsir al-Jamal, Tafsir al-Tabari, Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim turun digunakan. Oleh itu, diharapkan dengan terbitnya karya kecil ini sedikit sebanyak dapat memudahkan pembaca dalam memahami maksud ayat-ayat al-Quran. Kepada Allah SWT dipanjatkan semoga buku kecil ini dapat menjadi salah satu aset berharga di akhirat nanti.

KATA ALUAN PENYUSUN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين. والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله
الطيبين الطاهرين ومن تبعهم إلى يوم الدين، وبعد..

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya maka buku kecil bersiri ini telah dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang telah dicadangkan. Buku ini merupakan sebuah karya bersiri yang dicadangkan disusun sebanyak 60 siri, merangkumi tafsiran 30 juzuk ayat-ayat al-Quran. Aktiviti-aktiviti penyusunan buku ini adalah hasil daripada penyelidikan di peringkat Kulliyah Usuluddin dan Sains al-Quran, UniSHAMS yang dilakukan oleh tenaga-tenaga akademik UniSHAMS. Buku ini merupakan sajian huraian ayat-ayat al-Quran secara berperingkat yang menggunakan karya-karya muktabar seperti Tafsir al-Jalalyn, Tafsir al-Baydawi, Tafsir al-Jamal, Tafsir al-Qurtubi, Tafsir al-Razi, Tafsir al-Khazin serta karya-karya terkenal yang lain.

Panel penyusun mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penerbit UniSHAMS kerana memberi laluan dalam menerbitkan karya ini. Jutaan penghargaan juga kepada kumpulan penyelidik yang bertungkus lumus memerah idea dan tenaga demi menghasilkan buku ini.

Hakikatnya, amat dirasai bahawa sudah tentu banyak kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam buku yang tidak seberapa ini. Oleh itu, panel penyusun menerima dengan hati yang terbuka jika terdapat sebarang pandangan dan ulasan yang membina terhadap buku ini.

RINGKASAN KANDUNGAN JUZUK AL-QURAN PERTAMA

Şurah Al-Fātiĥah

- Şurah Al-Fātiĥah merupakan surah pembuka kepada Al-Quran dan ia juga merupakan antara surah yang teragung. Padanya terdapat penekanan dan penjelasan terhadap beberapa perkara asas dalam agama Islam. Antaranya:
 - Pujian kepada Allah SWT dan ianya mencangkupi separuh daripada surah ini.
 - Keikhlasan dalam beribadat kepada Allah dan permohonan pertolongan hanya daripadanya.
 - Penerangan terhadap hakikat petunjuk dan golongan golongan yang terhalang daripada meraihnya.
- Tema utama surah ini adalah penjelasan terhadap asas asas agama dan juga cabang-cabangnya.
- Surah ini bermula dengan penerangan akidah kemudian kedudukan ibadah dan akhirnya penjelasan manhaj hidup seorang Muslim.

- Surah ini bermula dengan menjelaskan akidah iaitu ayat (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ) yang mengisyaratkan kepada tauhid ibadah dan tauhid penciptaan. Ayat (الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ) adalah isyarat kepada tauhid pada nama dan juga sifat. Manakala ayat (مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ) adalah isyarat kepada keimanan kepada hari akhirat.
- Seterusnya surah ini menjelaskan kepentingan dan kedudukan ibadah pada ayat (إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ).
- Kemudian selepas ayat tersebut sehinggalah ke akhirnya berbicara tentang manhaj yang perlu diikuti oleh seorang Muslim iaitu bermula pada ayat (اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ).
- Terdapat penekanan terhadap kesatuan umat Islam melalui penggunaan kata kerja jama' (plural) dan bukannya mufrad (singular) iaitu نعبد (kami menyembah) dan نستعين (kami memohon pertolongan).
- Sepatutnya bagi seseorang yang mendengar atau membaca surah Al-Fātiḥah ini sebanyak 17 kali sehari semalam perlulah menjadi orang yang paling bersungguh-sungguh dalam menjaga dirinya daripada menyerupai Yahudi dan Nasrani

sama ada dari sudut pegangan atau amalan kerana dia sentiasa mengulang-ngulang ayat “Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang sesat.” Maka adakah patut selepas membaca ayat ini dia mengikut jalan kesesatan tersebut sedangkan dirinya berlingung dengan Allah daripada hal itu?

Surah Al-Baqarah

- Surah Al-Baqarah adalah surah yang terpanjang di dalam Al-Quran dan pelbagai fadilat yang sahih telah diriwayatkan tentangnya.
- Antara tujuan surah ini adalah:
 - Mendidik hati orang yang beriman agar tunduk dan menerima segala perintah Allah dan laranganNya walaupun sebanyak mana perintah dan larangan itu.
 - Peringatan agar tidak menyerupai golongan Yahudi yang telah gagal dalam beberapa ujian, salah satu ujian itu ialah kegagalan melaksanakan perintah menyembelih lembu betina.

➤ Manakala para sahabat رضي الله عنهم mereka telah berjaya melaksanakan segala perintah Allah yang telah diturunkan dalam surah ini sehinggalah Allah SWT memuji mereka pada akhir surah ini iaitu: $\text{آَمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ} \text{ ٥}$ yang bermaksud: Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang yang beriman) sehinggalah ke akhir surah.

- Pada permulaan surah Al-Baqarah dijelaskan tentang pendirian tiga golongan manusia iaitu orang beriman, orang kafir dan orang munafiq terhadap perutusan rasul dan wahyu. Disebabkan betapa bahayanya kewujudan mereka ke atas umat Islam dan juga disebabkan tersembunyi niat dan tujuan mereka, ayat-ayat yang seterusnya telah menerangkan secara terperinci sifat-sifat orang munafiq dan bahawasanya mereka itu tidak tetap dalam pegangan dan sentiasa berlegar legar di antara golongan orang mukmin dan orang kafir.
- Terdapat kisah yang terperinci tentang Nabi Adam dan Hawa *alaihima al-salām* dan kisah pemilihan baginda sebagai khalifah di bumi. Kisah ini juga merupakan kisah pertama yang disebutkan mengikut tertib mushaf Al-Quran.

- Kisah ini merupakan pengenalan awal kepada manusia tentang musuh mereka yang paling utama iaitu Iblis, yang mana sejarah permusuhan ini telah bermula semenjak kewujudan manusia yang pertama lagi.

- Dalam surah ini terdapat kisah Bani Isrā'il iaitu Yahudi secara khusus dan pegangan mereka terhadap Al-Quran dan para rasul secara umum dan pegangan mereka terhadap Nabi Muhammad s.a.w secara khusus.

- Dalam surah ini terdapat juga kisah yang terperinci tentang perintah Allah kepada Bani Isra'il supaya menyembelih lembu betina. Pengajaran daripada kisah ini adalah:
 - Larangan daripada sikap teragak-agak dan ragu-ragu dalam menerima dan melaksanakan perintah atau larangan Allah SWT. Bahawasanya perbuatan ini adalah penyebab kepada kerasnya hati.
 - Sifat orang yang beriman ketika mereka diperintahkan oleh Allah dengan sesuatu perkara adalah mereka akan terus tunduk dan menyerah diri kepadaNya. Maka kerana inilah Allah SWT memuji orang yang beriman di akhir surah ini.

- Terdapat ayat-ayat yang memperincikan jenayah dan penghinaan orang Yahudi terhadap para rasul dan malaikat-malaikatNya yang mulia.
- Perbuatan menghalang zikir kepada Allah di dalam masjid-masjid dan usaha untuk merobohkannya adalah daripada jenayah orang Nasrani. Maka umat Islam harus berhati hati supaya tidak menyerupai mereka.
- Disebutkan juga tentang Al-Masjid Al-Ḥarām, siapakah yang membinanya dan bagaimanakah ia dibina?
- Kepemimpinan dalam agama tidak akan dicapai oleh orang yang zalim.
- Usaha mendidik anak agar mereka berada dalam kebaikan tidak akan terhenti dan tidak ada penghujungnya bahkan berterusan sehingga ke saat penghebusan nafas yang terakhir. Firman Allah SWT:

أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ الْمَوْتُ إِذْ قَالَ لِيْنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنْ بَعْدِي قَالُوا نَعْبُدُ إِلْهَكَ وَإِلْهَ آبَائِكَ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِلْهًا وَاحِدًا وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ

Maksudnya: Demikianlah wasiat Nabi Yaakub, bukan sebagaimana yang kamu katakan itu wahai orang Yahudi! Kamu tiada hadir ketika Nabi Yaakub hampir

mati, ketika beliau berkata kepada anak-anaknya: "Apakah yang kamu akan sembah sesudah aku mati?" Mereka menjawab: "Kami menyembah Tuhanmu dan Tuhan datuk nenekmu Ibrahim dan Ismail dan Ishak, iaitu Tuhan yang Maha Esa, dan kepadaNya sahaja kami berserah diri (dengan sepenuh iman)." [al-Baqarah, 2:133]

Pada firman Allah SWT:

تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُمْ مَا كَسَبْتُمْ وَلَا تُسْأَلُونَ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: Mereka itu adalah satu umat yang telah lalu sejarahnya; bagi mereka (balasan) apa yang telah mereka usahakan, dan bagi kamu pula (balasan) apa yang kamu usahakan; dan kamu tidak akan ditanya (atau dipertanggungjawabkan) tentang apa yang mereka telah lakukan." [al-Baqarah, 2:141]

- Ayat ini merupakan jawapan balas terhadap mereka yang hanya menyandarkan dirinya kepada keturunan yang baik semata mata sedangkan keturunan yang baik itu tidak akan memberikan manfaat sedikit pun andai tidak disusuli dengan amalan kebaikan.

سُورَةُ الْفَاتِحَةِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾

الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ أَهْدِنَا

الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ

عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ

وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

Maksudnya: Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan Yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Yang amat Pemurah, lagi amat Mengasihani. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat). Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja Kami memohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus, iaitu jalan orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada

mereka, bukan (jalan) orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang sesat.

KANDUNGAN SURAH AL-FATIHAH

Ayat ke-1: Allah SWT mendidik hambaNya untuk memulakan sesuatu urusan dengan ucapan Basmalah. Hal ini bertujuan merealisasikan permohonan dengan disandarkan kepada nama-nama Allah.

Ayat ke-2: Hanya Allah sahaja yang berhak menerima pengagungan kerana sifat-sifatNya yang memberi manfaat, menolak kemudaratan dan sebagainya.

Ayat ke-5: Sifat-sifat demikian menuntut kita untuk mengkhususkan ibadah dan permohonan pertolongan hanya kepada Allah, serta mengkhususkan ketundukan yang bulat hanya kepadaNya. Tiada siapa yang dapat menyelamatkan manusia daripada godaan hawa nafsu kecuali Allah.

Ayat ke-6: Hidayah untuk terus kekal di atas manhaj kebenaran dan keadilan dan sentiasa istiqamah dan selamat hanya datang daripada Allah SWT. Manusia dibahagikan kepada dua kelompok; Pertama, kelompok hidayah dan kedua, Kelompok kesesatan. Hidayah di dalam al-Quran ada dua jenis iaitu hidayah umum, iaitu petunjuk kepada hal-hal yang bermanfaat bagi hamba di Akhirat dan hidayah khusus, iaitu pertolongan dan taufik untuk mengikuti jalan kebaikan dan keselamatan.

Ayat ke-7: Kesesatan ada dua jenis; Pertama, yang menyebabkan kesesatan, kerana sesuatu tersesat disebabkan seseorang yang membuatnya sesat. Kedua, sesat disebabkan oleh pilihan manusia itu sendiri, lalu Allah membiarkan dia berada dalam kesesatan.

HURAIAN

PERMULAAN SURAH DENGAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾

Segala puji-puji¹ itu bagi Allah, Tuhan yang menjadikan sekalian alam daripada manusia dan jin dan malaikat dan segala binatang darat dan laut dan langit bumi dan lainnya, maka tiap-tiap satu itu nama alam, erti alamat atas Tuhan yang menjadikan seperti tahi lembu alamat atas ada lembu, maka Allah itu nama bagi Tuhan yang disembah dengan sebenarnya.

الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾

¹ Ungkapan pujian atas perbuatan yang dilakukan secara sukarela. Ia lebih umum dari kata *asy-syukr*, sebab syukur dilakukan sebagai imbalan atas kurnia.

Tuhan Yang Amat Murah di dalam dunia ini lagi Yang Amat Mengasihani bagi hambaNya yang mukminin didalam akhirat².

مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾

Tuhan Yang Memiliki hari balasan iaitu hari kiamat kerana tiada memiliki padanya melainkan Allah semata-mata, dan adapun pada dunia maka pada zahir ada memiliki oleh raja-raja maka pada hakikatnya tiada yang memiliki dunia dan akhirat melainkan Allah semata-mata.

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

Akan Dikau kami sembah pada ibadat kami daripada sembahyang dan puasa dan zakat dan haji dan lainnya, dan akan Dikau kami minta tolong³ atas tauhid kami dan

² al-Rahmān: Sighah Mubālaghah (bentuk hiperbola) yang bererti Yang Agung Rahmat-Nya; ia adalah nama yang meliputi segala macam rahmat. Menurut pendapat ulama, ia merupakan nama khusus bagi Allah, tidak boleh digunakan untuk yang lain. al-Rahīm: Yang berterusan rahmatNya. Disebutkan dua nama ini selepas sifat Rabb al-'Alamīn yang mendatangkan rasa gentar dalam hati.

³ Na'budu dan Nasta'in disebut dalam bentuk jamak, bukan dalam bentuk tunggal (a'budu) dan (asta'in) untuk mengakui keterbatasan seorang hamba sehingga dia tidak dapat berdiri sendirian di hadapan Allah; seolah-olah dia berucap: Tidak layak bagiku berdiri sendiri dalam bermunajat kepada Mu, aku merasa

iman dan takut dan harap dan ikhlas ibadat bagi Engkau dan pada membanyak zikir lidah dan hati dan perbuka mata hati dan bersih akan dia dan berhadapanNya dan rendangan (berzikir dan memuji) kepada Engkau semata-mata kerana asal hati itu sangat bersih, maka menutup akan dia oleh debu percakapan yang sia-sia dan dusta dan jika kerja maksiat jadi titik hitam sampai tiada tempat suka, yakni tiada datang fikiran kebajikan yang diibarat dengan: **walākin ta'mal qulūb**, dan tetapi buta mata hati itu, maka tiada suatu amalan yang boleh bersihkannya semula melainkan zikir kepada Allah dengan lidah dan hati atau hati sahaja sampai jadi bersih, tertangkap rupa alam di dalamnya seperti yang jatuh pada setengah aulia'.

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾

Tunjuk olehMu akan kami jalan yang betul atau tambah akan kami atau kekal akan kami jalan yang betul iaitu agama Islam.

malu dengan kelalaian dan dosa-dosaku; kerana itu aku bergabung dengan kaum mukminin yang lain dan aku bersembunyi di antara mereka. Maka terimalah doaku bersama mereka, sebab kami semua beribadah kepada Mu dan memohon pertolongan Mu.

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ
عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

Jalan segala mereka yang telah Engkau beri nikmat atas mereka itu. Mereka itu empat firqah (kumpulan) daripada segala anbiyā' dan siddīqīn dan syuhadā' dan sālihīn, maka anbiyā' orang yang jadi nabi dan siddīqīn segala orang yang benar zahir dan batin pada Allah dan manusia, maka syuhadā' itu segala muslimin yang mati disebabkan berperang dengan kafir kerana meninggikan dan mempertahankan agama Islam dan sālihīn itu segala mereka yang tiada tinggal taat kepada Allah dan tiada kerja maksiatnya, maka jalan orang itulah kita minta ditunjuk kepadanya. Lain daripada jalan segala orang yang dimurkai atas mereka itu iaitu Yahudi, dan lain jalan segala orang yang *dhalalah* sesat-sesat iaitu Nasrani, yakni lain daripada jalan Yahudi dan Nasrani. Kata setengah ulama: Lain daripada jalan segala kafir dan munafik⁴. Maka al-Fātīhah hingga *wa la al-dhāllīn* itu, adapun āmin itu maka muafakat ulama' tiada

⁴ Jumhur berpendapat, orang yang dimurkai adalah kaum Yahudi, sedangkan orang yang sesat adalah kaum Nasrani. Orang yang dimurkai adalah mereka yang sudah mendapat berita tentang agama yang benar, yang telah disyariatkan oleh Allah bagi hamba-Nya tetapi mereka menolaknya; sedangkan orang yang sesat adalah mereka yang belum mengetahui agama ini secara sepenuhnya; iaitu mereka yang belum menerima berita kerasulan, atau sudah menerimanya tetapi dengan kadar yang kurang sempurna.

daripadanya dan tiada daripada al-Quran tetapi sunat disudahi *al-Fātihah* dengan āmin kerana itu doa, demikianlah tiap-tiap doa. Harus qasar serta takhfif dan tasydid dan harus mad serta keduanya. Kata imam al-Nasafi: “kata qīl, maknanya segala kitab seratus empat buah (104) terhimpun dalam al-Quran dan makna (al-Quran) terhimpun dalam Surahal-Fatihah, maka seolah-olah *nuskah mukhtasar* (surah yang meringkaskan) dan al-Quran tafsilnya (yang menghuraikan keseluruhannya) kerana terhimpun bicara Tuhan itu pada [*alhamd lillāh Rabb al-‘Ālamīn, al-Rahmān al-Rahīm*] dan negeri akhirat pada [*Mālik yaum al-Dīn*] dan terhimpun segala ibadah daripada iktiqad dan hukum suruh dan tegah pada [*īyyāka na‘bud wa īyyāka nasta‘īn*] dan syariat sekalian pada [*ihdinā al-sirāt al-mustaqīm*] dan cerita anbiya’ dan segala orang soleh pada [*Sirāt al-ladhīna an‘amta ‘alayhim*] dan cerita segala kuffar pada [*ghayr al-maghdūb alayhim wa la al-dhālīn*]”⁵.

Dan makna Surah al-Fātihah terhimpun pada bismillah, maka makna bismillah terhimpun pada huruf Ba’nya, maka makna huruf Ba’ [*bī kāna mā kāna*] dengan Aku jadi barang yang telah jadi [*wa bī yakūn mā yakūn*] dan dengan Aku lagi jadi barang yang akan jadi⁶, wallahu a’lam.

⁵ al-Nasafi, *Tafsir al-Nasafi*, jilid 1 halaman 25-33

⁶ Muhammad Khatib al-Syarbini, *Siraj al-Munir*, jilid 1, halaman 12

SURAH AL-BAQARAH MADANIYYAH

Dua ratus lapan puluh enam atau tujuh ayat (286 atau 287), maka sebab dinamakan al-Baqarah kerana ada didalamnya cerita lembu bagi anak yatim yang banyak berbuat kebaikan kepada ibunya, lalu Nabi Musa mengarahkan supaya membeli lembu itu dengan harga sepenuh kulitnya dengan emas.

KANDUNGAN SURAH AL-BAQARAH

- a. Mengandungi tasyrī' (aturan-aturan hukum) berkenaan kehidupan kaum Muslimin dalam masyarakat baharu di Madinah.
- b. Peringatan Allah kepada kaum Mukminin menuntut perbicaraan
 - Tentang pelanggaran-pelanggaran Bani Israil pada ayat 47-123.
 - Kaum Bani Israil telah mengingkari nikmat Allah, tidak menghargai keselamatan mereka daripada cengkaman Firaun, menyembah anak lembu, mengajukan permintaan kepada Nabi Musa sebagai sikap bangkangan, keangkuhan dan penentangan.

- c. Berbicara kepada kaum Ahli al-Quran dengan mengingatkan mereka akan aspek yang menjadi titik kesamaan antara umat Nabi Musa dan umat Nabi Muhammad s.a.w, iaitu; mereka daripada keturunan Nabi Ibrahim.
- d. Membasmi semua titik perselisihan soal arah kiblat.
- e. Menjelaskan asas paling utama bagi agama, iaitu: Mengkhususkan ibadah hanya kepada *Al-Khāliq*, bersyukur kepada Allah atas segala kurniaanNya, boleh mengambil sesuatu yang haram dalam keadaan darurat, serta menjelaskan perkara-perkara kebajikan dalam ayat yang ke-177.
- f. Menerangkan asas-asas syariat Islam bagi orang yang beriman kepadaNya dalam ruang ibadah dan muamalat, seperti; mendirikan solat, membayar zakat, puasa di bulan Ramadan, mengerjakan haji, jihad di jalan Allah, mengatur urusan berkenaan peperangan, menetapkan bulan-bulan Qamariyah, memerintahkan infaq di jalan Allah dan wasiat untuk kedua orang tua dan kaum kerabat, menjelaskan orang yang berhak diberi nafkah, mengatur cara pergaulan anak-anak yatim, mengatur urusan keluarga seperti pernikahan, perceraian, penyusuan dan 'iddah terhadap kaum wanita, tidak menjatuhkan hukuman atas sumpah yang lagha, mengharamkan sihir dan pembunuhan tanpa

alasan yang benar, mewajibkan qisas dalam kes pembunuhan, mengharamkan memakan harta orang lain dengan cara batil, mengharamkan arak, judi dan riba, serta mengharamkan menyetubuhi isteri pada waktu haid atau menyetubuhinya pada bahagian belakang.

- g. Terdapat sebuah ayat yang agung tentang akidah dan rahsia ketuhanan, iaitu; ayat *al-Kursi*. Mengingatkan tentang kedahsyatan hari Kiamat.
- h. Terdapat juga ayat yang paling panjang dalam al-Quran, iaitu; ayat *al-Dayn* yang menjelaskan hal-hal berkaitan dengan hutang seperti; mencatat, saksi akad, hukum wanita dan lelaki dalam soal kesaksian, pergadaian, kewajipan melaksanakan amanah dan pengharaman menyembunyikan kesaksian.
- i. Surah ini diakhiri dengan peringatan untuk bertaubat kepada Allah, memanjatkan doa yang agung yang mencakupi permohonan agar diberi kemudahan dan kelonggaran, melenyapkan kesempitan, belunggu dan beban serta permohonan agar diberi kemenangan atas kaum kafir.

سُورَةُ الْبَقَرَةِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ آَم ﴿١﴾ ذَلِكَ الْكِتَابُ
لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ
بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ
يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا
أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾
أُولَئِكَ عَلَى هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya: Alif, Lām, Mīm. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa; iaitu orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Dan juga orang yang beriman kepada Kitab "Al-Quran" yang diturunkan

kepadamu (Wahai Muhammad), dan kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang yang berjaya.

HURAIAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ آ

Allah Taala amat mengetahui dengan kehendakNya dengan yang demikian itu⁷.

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ

Ini kitab al-Quran yang dibaca oleh Muhammad itu tiada syak padanya daripada Allah Ta'ala lagi hidayah bagi sekalian orang yang *muttaqin* iaitu yang takut akan Allah Ta'ala dengan menjunjung segala suruhanNya dan menjauhi segala tegahanNya⁸.

⁷ Allah mulai surah ini dengan huruf muqata'ah untuk mengingatkan kepada sifat al-Quran dan isyarat kepada mukjizat al-Quran, menentang untuk mendatangkan surah terpendek yang serupa dengan al-Quran. Dan membuktikan bahawa kalam Allah yang tiada tandingan oleh sesuatu pun dari kalam manusia.

⁸ Allah menjelaskan empat sifat orang bertaqwa, yang mendapat cahaya dan hidayah daripada Allah, yang memiliki

SIFAT AL-MUTTAQIN

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا
رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾

Segala mereka yang beriman dengan khabar yang ghaib-ghaib daripada bangkit kubur dan syurga dan neraka, dan berdiri mereka itu akan sembahyang lima waktu dengan segala hak-haknya, dan daripada barang yang kami rezeki mereka itu menafkah mereka itu pada taat akan Allah (dengan berzakat).

وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ
قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾

Dan segala mereka itu yang beriman dengan barang yang diturun kepada engkau daripada al-Quran dan barang yang diturun daripada dahulu engkau daripada Taurat dan Injil dan lainnya, dan dengan hari akhirat mereka itu yakin sekalian (akan kewujudannya).

kedudukan yang tinggi di sisi Allah dan yang mendapat tingkat yang tinggi di Syurga.

أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Bermula mereka itu, yang bersifat dengan yang tersebut itu (berada) di atas hidayah daripada Tuhan mereka itu (iaitu Allah) dan bermula mereka itu, mereka itulah yang mendapat kemenangan dengan balasan syurga dan terlepas daripada seksaan api neraka.

AHWAL AL-MUSYRIKIN: PERILAKU ORANG MUSYRIKIN

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ
لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾ خَتَمَ اللَّهُ عَلَىٰ
قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ وَعَلَىٰ أَبْصَارِهِمْ غِشَاوَةً
وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang kafir (yang tidak akan beriman), sama sahaja kepada mereka sama ada engkau beri amaran kepada mereka atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman. (Dengan sebab

keingkaran mereka), Allah mematerikan (menutup dengan tutupan yang kejam) atas hati mereka serta pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada penutupnya; dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar.

HURAIAN

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ
لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾

Bahawa segala mereka yang kafir⁹ (seperti Abi Jahal dan Abi Lahab dan seumpama keduanya) bersamaan atas mereka itu adakah engkau pertakut (memberi ancaman) akan mereka itu atau tiada engkau pertakut akan mereka itu, tiada beriman mereka itu (kerana Allah mengetahui daripada mereka itu, maka jangan engkau tamak (berharap) ya Muhammad terhadap iman mereka itu.

⁹ al-Kufr ertinya menutupi sesuatu. Orang yang kafir bererti menutupi kenyataan dan menyembunyikan nikmat-nikmat Allah kepadanya.

خَتَمَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى
 أَبْصَارِهِمْ غِشْوَةً وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٧﴾

Allah telah menutup atas segala hati mereka itu¹⁰, maka tiada masuk kebajikan (iaitu iman) dan atas pendengaran mereka itu dan atas segala mata mereka itu berselaput¹¹ (tiada kelihatan mereka itu akan yang hak), dan bagi mereka itu azab yang amat besar lagi kuat dan berkekalan.

PERIHAL AL-MUNAFIQIN

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ
 الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾ يُخَدِّعُونَ اللَّهَ
 وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا يُخَدِّعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا

¹⁰ Hati dikunci mati: mereka tidak mengerti kebenaran.

¹¹ Pendengaran dan penglihatan ditutup: mereka tidak memahami al-Quran apabila dibacakan kepada mereka, atau ertinya mereka tidak memandang/memperhatikan makhluk-makhluk Allah, atau ertinya mereka diseru untuk mengesakan Allah tetapi mereka tidak mahu beriman.

يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ
مَرَضًا ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ
﴿١٠﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا
إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ
الْمُفْسِدُونَ وَلَٰكِن لَّا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾ وَإِذَا قِيلَ
لَهُمْ ءَامِنُوا كَمَا ءَامَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا
ءَامَنَ السُّفَهَاءُ ۗ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَٰكِن
لَّا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾ وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا قَالُوا
ءَامِنَّا وَإِذَا خَلَوْا إِلَىٰ شَيْطَانِهِمْ قَالُوا إِنَّا
مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ ﴿١٤﴾ اللَّهُ
يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ

﴿١٥﴾ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالَةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا

رَبِحَتْ تَجَرَّتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Dan di antara manusia ada yang berkata: "Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat"; padahal mereka sebenarnya tidak beriman. Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya diri mereka sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya. Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran). Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: "Sesungguhnya kami orang yang hanya membuat kebaikan". Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya. Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kamu sebagaimana orang itu telah beriman". mereka menjawab: "Patutkah kami ini beriman sebagaimana berimannya orang bodoh itu?" Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

Dan apabila mereka bertemu dengan orang yang beriman, mereka berkata: "Kami telah beriman", dan manakala mereka kembali kepada syaitan-syaitan mereka, mereka berkata pula: "Sesungguhnya kami tetap bersama kamu, sebenarnya kami hanya memperolok-olok (akan orang yang beriman)". Allah (membalas) memperolok-olok, dan membiarkan mereka merabab-raba dalam kesesatan mereka (yang melampaui batas itu). Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk; maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka beroleh petunjuk hidayah.

HURAIAN

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ
 ۸ الْأَخِيرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ

Dan setengah daripada manusia itu mereka yang berkata telah beriman kami dengan Allah dan dengan hari akhirat dan tiada juga mereka itu beriman.

يُخَدِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا يُخَدَعُونَ إِلَّا
 ۹ أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ

Menipu mereka itu akan Allah dan sekalian orang mukmin (dengan menzahirkan sesuatu yang menyalahi barang yang ada dalam hati mereka daripada kufur supaya terlepas daripada hukuman dunia), dan tiada menipu mereka itu melainkan akan diri mereka itu (kerana kejahatan tipu itu kembali pada mereka itu) jika dapat kekejian mereka itu dalam dunia dengan diri ketahui Allah (Allah memberitahu) akan nabiNya atas barang yang menyembunyi mereka itu dan diazab mereka itu pada akhirat, dan tiada sedar mereka itu (bahawa tipu mereka itu bagi diri mereka itu).

فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ
عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾

Pada dalam hati mereka itu sakit, erti syak dan nifaq ialah yang menyakit akan hati mereka itu, maka ditambah akan mereka itu oleh akan (rasa) sakit dengan al-Quran yang diturun kerana kufur mereka itu dengannya. Dan bagi mereka itu azab yang sangat sakit dengan barang yang ada mereka itu dusta mereka itu pada kata mereka itu telah iman kami kerana (tetapi) tiada beriman mereka itu.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا

نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾

Dan apabila dikata bagi mereka itu:"Jangan kamu buat fasid (kerusakan) dalam bumi dengan kufur dan bantah daripada beriman dan membinasakan harta orang", kata mereka itu: hanya kami ini berbuat muslihat (kebaikan) sekalian dan tiada kami berbuat fasid (Ayat al-Quran ini diturunkan kerana menolak dakwaan orang munafiq itu).

أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِن لَّا يَشْعُرُونَ

﴿١٢﴾

Ketahui olehmu bahawa mereka itu, mereka itulah yang berbuat fasid (kerusakan) sekalian dengan menegah orang daripada beriman dan tetapi tiada sedar mereka itu.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا كَمَا ءَامَنَ النَّاسُ قَالُوا
 أَنُؤْمِنُ كَمَا ءَامَنَ السُّفَهَاءُ ۗ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ
 السُّفَهَاءُ وَلَكِن لَّا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾

Dan apabila dikata bagi mereka itu: "Beriman oleh kamu seperti barang yang beriman manusia (sahabat-sahabat Nabi)". Kata mereka itu: "Adakah kami beriman seperti beriman orang jahil (yakni tiada kami beriman seperti beriman orang jahil, yakni tiada kami perbuat seperti perbuat mereka itu)". FirmanNya menolak atas mereka itu: "Ketahui olehmu bahawa mereka itu, mereka itulah yang jahil sekalian dan tetapi tiada diketahui mereka itu".

وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ ءَامِنُوا قَالُوا ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا
 إِلَىٰ شَيْطَانِهِمْ قَالُوا إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ
 مُسْتَهْزِءُونَ ﴿١٤﴾

Dan apabila bertemu mereka itu akan segala orang mukmin, kata mereka itu *āmannā* telah beriman kami dan apabila kembali mereka itu kepada segala syaitan (ketua-ketua) mereka itu, kata mereka itu: "Bahawa kami

serta kamu (pada agama), hanya kami berbuat olok-olok
sekalian dengan menzahir iman.

اللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ
يَعْمَهُونَ ﴿١٥﴾

Allah Ta'ala itu yang mengolok-olok dengan mereka itu
dan Dia memanjang akan umur mereka itu pada dalam
kufur mereka itu, tercengang mereka itu (hal keadaan)
bodoh tiada dapat jalan agama yang betul.

أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا
رَبِحَتْ تَجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴿١٦﴾

Bermula sekalian mereka itulah yang menukar *dhalālah*
sesat dengan hidayah petunjuk¹². Maka tiada berlabab¹³
(mendapat untung) perniagaan mereka itu (tetapi rugi
kerana kembali mereka itu kepada neraka yang

¹² Allah menyebut perkataan 'syirā' (membeli) agar lebih luas
maksudnya, sebab jual-beli dan perdagangan adalah dalam bentuk
menukar barang dan bangsa Arab biasa memakai kata ini tentang
penukaran sesuatu dengan sesuatu yang lain.

¹³ Allah menisbahkan 'laba' kepada perniagaan sesuai dengan
kebiasaan bangsa Arab dalam pengucapan mereka: rabiha bai'uka
(beruntung daganganmu) dan khasirat shafqatuka (rugi
transaksimu).

muabbad selama-lama). Dan tiada mereka itu dapat hidayah kepada agama yang betul.

TAMTHIL AL-MUNAFIQIN: PERUMPAMAAN ORANG MUNAFIQ

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ
مَا حَوْلَهُ وَذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي
ظُلْمَةٍ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١٧﴾ صُمُّ بَكُمْ عُمَى فَهُمْ
لَا يَرْجِعُونَ ﴿١٨﴾ أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ
ظُلْمَةٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصْبِعَهُمْ فِي
ءَاذَانِهِمْ مِّنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ وَاللَّهُ
مُخِيطٌ بِالْكَافِرِينَ ﴿١٩﴾ يَكَادُ الْبَرْقُ يَخْطَفُ
أَبْصَرَهُمْ كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ مَّشَوْا فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ

عَلَيْهِمْ قَامُوا ۗ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ
وَأَبْصَرِهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ غَلِيبٌ ﴿٢٠﴾

Maksudnya: Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkan mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun). Mereka (seolah-olah orang yang) pekak, bisu dan buta; dengan keadaan itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran). Atau (bandingannya) seperti (orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, bersama dengan gelap-gelita, dan guruh serta kilat; mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Sedangkan mereka tidak boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang yang kafir itu. Kilat itu pula hampir-hampir menyambar (menghilangkan) penglihatan mereka; tiap-tiap kali kilat itu menerangi mereka (dengan pancarannya), mereka berjalan dalam cahayanya. Dan apabila gelap menyelubungi mereka, berhentilah mereka (menunggu dengan bingungnya). Dan sekiranya Allah menghendaki, nescaya dihilangkan pendengaran dan penglihatan mereka; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

HURAIAN

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ
مَا حَوْلَهُ وَذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي
ظُلْمٍ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١٧﴾

Umpama¹⁴ mereka itu iaitu munafiqin itu seumpama mereka yang menyala api pada waktu kelim (gelap di waktu) malam, maka tatkala cerah (bercahaya) barang (keadaan) sekelilingnya (dan hilang barang yang ditakutkan) memadam Allah dengan cerah mereka itu dan Dia tinggal (biarkan) akan mereka itu pada dalam kelim, tiada kelihatan mereka. (demikianlah kelakuan segala *munāfiqīn* menzahirkan mereka itu akan iman dan sembunyi mereka itu kalimah kufur, maka apabila mati mereka itu datang akan mereka itu ketakutan dan azab).

صُمُّ بِكُمْ عُمِّي فَهُمْ لَا يَرِجْعُونَ ﴿١٨﴾

¹⁴ Membuat perumpamaan merupakan salah satu metode al-Quran untuk menerangkan pelbagai konsep dan menampilkan perkara-perkara abstrak yang samar dalam bentuk yang jelas dan konkrit.

Mereka itu tuli daripada menerima yang hak yang sebenar, kelu daripada berkata-kata kebajikan, buta daripada jalan hidayah. Maka mereka itu, tiada kembali mereka itu daripada *dhalālah* kepada hidayah, daripada sesat kepada petunjuk.

أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ
 وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصْبِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِّنَ
 الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ وَاللَّهُ مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ



Atau sifat mereka itu seperti orang kena hujan daripada langit yang ada padanya *zulumāt* kelam (kegelapan), guruh dan kilat, maka guruh itu suara malaikat yang diwakili dengan hujan, kilat itu sinar tongkatnya (yang) hambat (menghalau) awan yang membawa hujan pada tempat yang dikehendaki Allah¹⁵, menjadi mereka itu

¹⁵ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْوَلِيدِ وَكَانَ يَكُونُ فِي بَنِي عَجَلٍ عَنْ بُكَيْرِ بْنِ شِهَابٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ أَقْبَلْتُ يَهُودَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا أَبَا الْقَاسِمِ أَخْبَرْنَا عَنِ الرَّعْدِ مَا هُوَ: قَالَ مَلَكٌ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُوَكَّلٌ بِالسَّحَابِ مَعَهُ مَخَارِقُ مِنْ نَارٍ يَسُوقُ بِهَا السَّحَابَ حَيْثُ شَاءَ اللَّهُ. فَقَالُوا فَمَا هَذَا الصَّوْتُ الَّذِي نَسْمَعُ قَالَ: زَجْرُهُ بِالسَّحَابِ إِذَا زَجَرَهُ حَتَّى يَنْتَهَى إِلَى حَيْثُ أُمِرَ. قَالُوا صَدَقْتَ... قَالَ هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ

akan segala anak jari mereka itu pada dalam lubang telinga daripada(dentuman) halilintar kerana takut mati, (demikianlah kelakuan orang munāfiq apabila turun al-Quran menyuruh supaya beriman dan puji dengannya (iman) dan tegah daripada kufur dan keji dengannya (kelakuan kufur), menutup mereka itu akan telinga dan mata dan lidah mereka itu, tiada mahu dengar dan lihat padanya (kerana) takut terikut (dengan)al-Quran, jadi mati agama, kufur (dan) maksiat mereka itu). Dan bermula Allah Ta'ala itu Tuhan yang meliputi dengan segala kafir (alam dan qudrat, maka tiada luput akan dia (oleh) satu (sesuatu pun).

صَحِيحٌ غَرِيبٌ. لهيئت: الترمذي، سنن الترمذي، كتاب تفسير القرآن، باب ومن سورة الرعد، رقم الحديث: 3117، أحمد، مسند أحمد، مسند عبد الله بن العباس بن عبد المطلب عن النبي صلى الله عليه وسلم، رقم الحديث: 2483، إسناده صحيح دان السيوطي، الدر المنثور، مجلد 8، هلامن: 399 – 400. دان المحلي دان السيوطي، تفسير الجلالين، هلامن: 25

Maksudnya: Daripada Abdullah bin al-Walid bahawa adalah dia berada di Bani 'Ijl, daripada Bukair bin Syihab, daripada Said bin Jubair, daripada Ibn Abbas katanya bahawa sekumpulan Yahudi menemui Rasulullah s.a.w lalu menyoal Baginda: "Wahai Bapa al-Qasim, ceritakan kepada kami perihal guruh. Rasulullah s.a.w bersabda: "Guruh merupakan malaikat yang Allah SWT utuskan untuk menghalau awan. Di tangannya terdapat satu alat daripada api yang digunakan ketika melakukan tugasnya itu mengikut perintah Allah SWT". Mereka bertanya lagi: "Suara apakah yang didengari ketika guruh berdentum?". Rasulullah s.a.w bersabda: "Itulah suara malaikat tersebut". Lantas mereka berkata: "Kamu benar...".

يَكَادُ الْبَرْقُ يَخْطَفُ أَبْصَارَهُمْ^ط كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ
 مَشَوْا فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا^ج وَلَوْ شَاءَ
 اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ^ج إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ
 شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

Hampirlah kilat menyambar akan segala mata mereka itu, tiap-tiap (setiap kali) cerah (bercahaya disebabkan guruh) bagi mereka itu berjalan mereka itu padanya, dan apabila kalam (gelap) atas mereka itu terdiri mereka itu (ini tamthil menggerak oleh hajat dalam al-Quran akan hati mereka itu, maka membenar mereka itu bagi yang disukainya dan berhenti pada yang dibencinya) dan jika dikehendaki Allah Ta'ala nescaya Dia akan menghilangkan pendengaran dan penglihatan mereka itu yang zahir seperti barang yang hilang dengan buta mata hati yang batin. Bahawasa Allah Ta'ala atas tiap-tiap suatu Amat Kuasa.

SERUAN MANUSIA KEPADA IMAN

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ
وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾ الَّذِي
جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ
مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا
لَكُمْ ۗ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾
وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا
بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِ ۚ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّن
دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾ فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا
وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ ۗ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿٢٤﴾ وَبَشِّرِ الَّذِينَ
ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ

تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ۖ كُلَّمَا رُزِقُوا مِنْهَا مِنْ
 ثَمَرَةٍ رِزْقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رُزِقْنَا مِنْ قَبْلُ ۖ
 وَأُتُوا بِهِ مُتَشَابِهًا ۖ وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ مُّطَهَّرَةٌ ۖ
 وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang yang) bertaqwa. Dia lah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkan air hujan dari langit, lalu dikeluarkan dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa). Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (Al-Quran) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Quran itu, dan panggilah orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang yang benar. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu

tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarannya adalah manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang kafir. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; tiap-tiap kali mereka diberikan satu pemberian dari sejenis buah-buahan syurga itu, mereka berkata: "Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu"; dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan-pasangan/isteri-isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal di dalamnya selama-lamanya.

HURAIAN

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ
وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

Hai segala manusia! Sembah oleh kamu akan Tuhan kamu yang menjadi akan kamu dan menjadi segala mereka dahulu-dahulu daripada kamu, mudah-mudahan kamu terpelihara kamu dari azab neraka.

الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً
 وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنْ
 الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا
 وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

Tuhan yang menjadi bagi kamu bumi itu hamparan dan langit itu atap dan Dia menurunkan daripada langit itu air hujan, maka Dia mengeluarkan dengannya daripada segala buah-buahan (yang menjadi) rezeki bagi kamu. Maka jangan kamu jadi bagi Allah itu sekutu pada ibadah (iaitu menyembah tuhan selain Allah), dan bermula kamu itu ketahui bahawa Allah yang menjadikan alam dan tiada mereka (berhala) itu yang menjadikan alam dan tiada tuhan melainkan yang menjadikan alam.

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا
 بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِ ۖ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّن
 دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾

Dan jika ada kamu pada syak daripada al-Quran yang telah Kami turun atas hamba Kami, Muhammad adakah

daripada Allah atau tiada? Maka bawa datang oleh kamu dengan satu surah daripada seumpamanya dan seru oleh kamu akan segala syirik (sekutu) kamu daripada selain Allah supaya dia menolong kamu perbuat surah itu, jika ada kamu itu benar sekaliannya bahawa Muhammad itu mendatangkan (mereka-reka) al-Quran daripada dirinya bukan daripada Allah kerana kamu bangsa Arab yang fasih berbahasa Arab sepertinya juga.

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي
 وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿٢٤﴾

Maka jika tiada boleh kamu perbuat sekarang ini dan tiada boleh kamu perbuat sekarang ini dan tiada boleh kamu perbuat ke hadapan juga (pada masa hadapan) maka hendaklah kamu takut akan neraka dengan beriman dengan Allah dan bahawa al-Quran itu kalam Allah, bukan kalam manusia, yang menyalakannya (api neraka) oleh manusia yang kafir dan batu berhala (setengah hangat bukan seperti api dunia, dinyala dengan kayu), disediakan ia (api neraka itu) bagi sekalian orang kafir yang diazab dalamnya.

وَبَشِّرِ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ
 جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ كُلَّمَا رُزِقُوا

مِنْهَا مِنْ ثَمَرَةٍ رَزَقًا قَالُوا هَذَا الَّذِي رَزَقْنَا مِنْ
 قَبْلُ وَأُتُوا بِهِ مُتَشَبِهًا وَلَهُمْ فِيهَا أَزْوَاجٌ
 مُّطَهَّرَةٌ وَهُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٥٥﴾

Dan persuka olehmu ya Muhammad akan sekalian orang mukmin dan beramal mereka itu akan amal yang soleh-soleh sama ada fardu dan sunat, bahawa bagi mereka itu beberapa syurga iaitu kebun yang ada pokok-pokok, rumah-rumah, mahligai, anak bidadari dan wildannya yang mengalir daripada bawahnya oleh beberapa parit air tawar, pada tiap-tiap masa yang direzeki mereka itu daripadanya daripada buah-buahan akan sebagai rezeki. Kata mereka itu ahli syurga: "Inilah yang (dijanjiakan) direzeki akan kami daripada dahulu dalam dunia dan bawa datang akan mereka itu dengan menyerupai setengah akan setengah pada rupa berlainan pada rasa dan bagi mereka itu pada dalamnya syurga itu beberapa isteri yang suci daripada haid dan cemar-cemar daripada anak-anak bidadari dan lainnya, dan mereka itu dalamnya kekal sekalian, selama tiada keluar dan tiada fanak (binasa).

SABAB NUZUL AYAT 26, SURAH AL-BAQARAH

وَإِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا
بَعُوضَةً فَمَا فَوْقَهَا فَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا فَيَعْلَمُونَ
أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا
فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا يُضِلُّ بِهِ
كَثِيرًا وَيَهْدِي بِهِ كَثِيرًا وَمَا يُضِلُّ بِهِ إِلَّا
الْفَاسِقِينَ ﴿٢٦﴾ الَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ
بَعْدِ مِيثَاقِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ
يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ أُولَٰئِكَ هُمُ
الْخَاسِرُونَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu jika orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka; dan kalau orang kafir pula maka mereka

akan berkata: "Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan benda ini?" (Jawabnya): Allah akan menjadikan ramai orang yang akan sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya juga; dan Allah tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang yang fasik; (iaitu) orang yang merombak (mengubah) perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya, dan memutuskan perkara yang disuruh Allah supaya diperhubungkan, dan mereka pula membuat kerosakan dan bencana di muka bumi. Mereka itu ialah orang yang rugi.

HURAIAN

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَحْيِي أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَّا
بَعُوضَةً فَمَا فَوْقَهَا﴾

Turun ayat ini kerana menolak perkataan Yahudi: "Apa yang Allah Ta'ala kehendak dengan sebut benda keji-keji daripada lalat dan agas?"¹⁶. Bahawasanya Allah Ta'ala itu tiada malu jika Dia perbuat *tamthīl* (perumpamaan) dengan agas atau sesuatu yang lebih kecil daripadanya.

¹⁶ Tabari, *Tafsir al-Tabari*, Jilid 1, no. hadith: 554, halaman 399

فَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ
رَبِّهِمْ ۗ وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ
اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا ۗ يُضِلُّ بِهِ كَثِيرًا وَيَهْدِي بِهِ
كَثِيرًا ۗ وَمَا يُضِلُّ بِهِ إِلَّا الْفَاسِقِينَ ﴿٢٦﴾

Maka adapun segala orang yang beriman dengan Allah maka ketahui mereka itu bahawasanya *tamthil* (perumpamaan itu) ia sebenar daripada Tuhan mereka itu, kena pada tempatnya dan adapun segala orang yang kafir maka kata mereka itu: "Apa satu faedah yang dikehendaki dengan ini bandingan?" FirmanNya: Menyesat ia dengan ini *tamthil* (perumpamaan) itu akan kebanyakan orang kafir sebab kufur dengannya dan menghidayah ia dengannya akan kebanyakan orang mukmin beriman dengan *qudrat* dan *iradat* pada *tamthil* itu bagi Allah semata-mata dan tiada Dia menyesat dengannya melainkan akan segala orang yang fasiq-fasiq iaitu yang keluar daripada taatNya.

الَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيثَاقِهِ
وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ ۗ أَنْ يُوَصَّلَ

وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ ۚ أُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ



Segala mereka yang merungkai mereka itu akan janji Allah daripada iman dengan Nabi Muhammad daripada kemudian kukuhnya janji dan memutuskan mereka itu akan barang yang disuruh Allah bahawa menghubungkan ia dengannya daripada beriman dengan Nabi Muhammad dan hubung rahim (silaturahim) dan berbuat fasid (kerusakan) mereka itu pada dalam bumi dengan mengerja maksiat dan menegah daripada beriman dan membinasa harta-harta orang. Bermula sekalian mereka itulah yang dapat kerugian sekalian kerana kembali (akan dimasukkan) mereka itu kepada (ke dalam) neraka yang *muabbad* selama-lama.

**TAKJUB (RASA ANEH) DARIPADA KUFUR MEREKA
ITU SERTA BERDIRI BURHĀN DAN DALIL ATAS
BANGKIT KUBUR**

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا
فَأَحْيَاكُمْ ۖ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ

تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾ هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي
 الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ
 سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: Bagaimana kamu tergamak kufur (mengingkari) Allah padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), kemudian Dia menghidupkan kamu; setelah itu Dia mematikan kamu, kemudian Dia menghidupkan kamu pula (pada hari akhirat kelak); akhirnya kamu dikembalikan kepadaNya (untuk diberi balasan bagi segala yang kamu kerjakan). Dia lah (Allah) Yang Menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian Dia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan Dia Amat Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا
 فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ
 تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾

Betapa kufur kamu dengan Allah ya Ahla Makkah dan
 adalah kamu itu mati (dahulu kamu) *nutfah* (air mani)
 pada sulbi bapa kamu, maka Dia menghidup akan kamu
 dalam rahim ibu kamu dan dalam dunia kemudian Dia
 memati akan kamu dalam dunia kemudian Dia
 menghidup akan kamu dengan bangkit kubur. Kemudian
 kepadaNya dikembali sekalian kamu pada akhirat, maka
 Dia membalas akan amalan kamu baik dan jahat.

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ
 أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ
 بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

Dialah Allah Ta'ala itu Tuhan yang menjadi bagi kamu
 barang yang dalam bumi dan dengan bumi sekalian

kamu guna dan ambil faedah sampai kamu boleh ambil manfaat dengannya. Kemudian qasad (berhasrat) Dia kepada langit maka menjadi Dia akan langit tujuh lapis dan Dialah dengan tiap-tiap satu Amat Ketahui *tafsīl* dan *ijmāl* (secara terperinci dan umum), maka fikir oleh kamu bahawa Tuhan Yang Kuasa menjadikan bumi dan langit yang terlebih besar daripada kamu itu Dia berkuasa atas menghidup kamu kemudian daripada mati.

KISAH KEJADIAN ADAM

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّىْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ
 خَلِيْفَةً ۗ قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِيْهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيْهَا
 وَيَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ
 لَكَ ۗ قَالَ اِنِّىْۤ اَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُوْنَ ﴿٣٠﴾ وَعَلَّمَ
 ءَادَمَ الْاَسْمَآءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلٰٓئِكَةِ
 فَقَالَ اَنْبِئُوْنِىْ بِاَسْمَآءِ هٰٓؤُلَآءِ اِنْ كُنْتُمْ
 صٰدِقِيْنَ ﴿٣١﴾ قَالُوْۤا سُبْحٰنَكَ لَا عِلْمَ لَنَاۤ اِلَّا مَا

عَلَّمْتَنَا^ط إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾ قَالَ
 يَّعَادِمُ أَنْبِيَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ^ط فَلَمَّا أَنْبَأَهُمْ
 بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ غَيْبَ
 السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ
 تَكْتُمُونَ ﴿٣٣﴾ وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا
 لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ
 مِنَ الْكَافِرِينَ ﴿٣٤﴾ وَقُلْنَا يَّعَادِمُ اسْكُنْ أَنْتَ
 وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا
 وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ
 ﴿٣٥﴾ فَأَزَلَّهُمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا
 كَانَا فِيهِ^ط وَقُلْنَا اهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ^ط
 وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَعٌ إِلَى حِينٍ ﴿٣٦﴾

فَتَلَقَىٰ آدَمَ مِنْ رَبِّهِ ۖ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ وَهُوَ
 ۞ ۳۷ ۞ قُلْنَا أَهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا
 فَمَا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّي هُدًى فَمَنْ تَبَعَ هُدَايَ فَلَا
 خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ۞ ۳۸ ۞ وَالَّذِينَ
 كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ
 هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ۞ ۳۹ ۞

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya". Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman: "Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu

golongan yang benar". Malaikat itu menjawab: "Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; Sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana". Allah berfirman: "Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka". Maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah berfirman: "Bukankah Aku telah katakan kepada kamu, bahawasanya Aku mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan?". Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada malaikat: "Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam". Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; dia enggan dan takbur, dan menjadilah dia dari golongan yang kafir. Dan Kami berfirman: "Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pokok ini; (jika kamu menghampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang yang zalim". Setelah itu, maka Syaitan menggelincirkan mereka berdua dari syurga itu dan menyebabkan mereka dikeluarkan dari nikmat yang mereka telah berada di dalamnya dan Kami berfirman: "Turunlah kamu! sebahagian dari kamu menjadi musuh kepada sebahagian yang lain dan bagi kamu semua disediakan tempat kediaman di bumi, serta mendapat kesenangan hingga ke suatu masa (mati)". Kemudian

Nabi Adam menerima dari Tuhannya beberapa kalimah (kata-kata pengakuan taubat yang diamalkannya), lalu Allah menerima taubatnya; Sesungguhnya Allah, Dia lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani. Kami berfirman lagi: "Turunlah kamu semuanya dari syurga itu! kemudian jika datang kepada kamu petunjuk dariKu (melalui rasul-rasul dan kitab-kitab yang diturunkan kepada mereka), maka sesiapa yang mengikuti petunjukKu itu nescaya tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita". Dan orang kafir yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, mereka itu ialah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

HURAIAN

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰٓئِكَةِ اِنِّيْ جَاعِلٌ فِى الْاَرْضِ
خَلِيْفَةً ۗ قَالُوْۤا اَتَجْعَلُ فِيْهَا مَن يُفْسِدُ فِيْهَا
وَيَسْفِكُ الدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ

بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ^ص قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا

تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Dan ketika dulu telah berkata oleh Tuhan engkau ya Muhammad bagi segala malaikat bahawa Aku hendak jadi (mencipta) pada dalam bumi ini gantian Aku (pada melulus segala hukum Aku iaitu Adam). Kata mereka itu: "Adakah Tuhan ku hendak jadi padanya mereka yang berbuat fasid (kerusakan) pada dalamnya (bumi) dan menumpah akan darah dengan berbunuh-bunuh seperti yang diperbuat banu *al-Jānn* (anak cucu jin) dalamnya pada masa dahulu daripada Adam"? Maka menyuruh Allah akan malaikat menghalau akan mereka itu (anak cucu jin) pergi ke pulau-pulau dan bukit-bukit, dan kami (para malaikat) mengucap tasbih dengan memuji Engkau dan kami mengucap *taqdīs* bagi Engkau, maka kamilah mustahak jadi khalifah, tiada (bukan) Adam. Firman Allah Ta'ala bahawa aku ini mengetahui barang yang tiada kamu ketahui daripada maslahat Adam dan zuriatnya, ada yang taat dan yang pelaku maksiat, baik dan jahat, maka ketika itu zahir keadilanKu pada mereka itu. Maka menjadi Allah Ta'ala akan Adam daripada *adīm al-ardh* (muka bumi) segala pihak bumi dengan genggam Dia daripada segenggam daripada segala warna bumi dan dibancuh dengan segala air yang bersalah-salahan (berbagai-bagai) warna dan bau dan diperbuat lembaga Adam dan digulingkan di hadapan syurga selama empat

puluh tahun, takjub (rasa ajaib) sekalian malaikat daripada kejadian itu dan ditiup padanya ruh maka jadi dia seperti binatang yang bergerak-gerak kemudian daripada jamad yakni dalam bentuk ketul¹⁷.

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى
الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ
كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾

Dan Dia mengajar akan Adam itu segala nama sekalian yang mempunyai nama, sehingga nama periuk besar dan kecil, pisau besar dan kecil dan cebuk air (gayung) dengan bahawa ditaruh segala nama-nama itu pada hatinya Adam kemudian ditunjukkan sekalian nama-nama itu atas segala malaikat kerana mengkejikan (merendahkan) mereka itu sebab mereka menghalang kehendak Allah, maka firmanNya: "Khabar oleh kamu itu (wahai malaikat) akan Daku dengan sekalian nama-nama benda itu yang mempunyai nama, jika ada kamu itu benar sekalian pada kata kamu tiada makhluk Allah terlebih tahu daripada kamu dan kamulah mustahak (patut) jadi khalifah dalam bumi.

¹⁷ al-Mahalli & al-Suyuti, *Tafsir al-Jalalyn*, halaman 8

قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ
 أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٣٢﴾

Kata mereka itu malaikat: "Maha Suci Engkau wahai Tuhan kami daripada layak *i'tirad* (membantah) atas Engkau. Tiada ilmu bagi kami melainkan barang yang Engkau ajar akan kami bahawa Engkau itu Engkau lah Tuhan Yang Amat Mengetahui lagi Yang Amat Pandai (tiada keluar satu daripada ilmu Allah dan hikmahNya).

قَالَ يٰٓأَدَمُ أَنْبِئْهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ فَلَمَّا أَنْبَأَهُمْ
 بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَّكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ غَيْبِ
 السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ
 تَكْتُمُونَ ﴿٣٣﴾

Firman Allah: "Wahai adam! Khabar oleh mu akan mereka itu (benda-benda) dengan segala nama-nama mereka itu, maka Adam menyempurnakan akan tiap-tiap satu dengan namanya dan hikmatnya dan gunanya yang menjadi kerananya. Maka tatkala dia mengkhobar akan mereka itu dengan segala nama mereka (benda-benda) itu, firman Allah: "Bukankah Aku kata bagi kamu

(malaikat) dahulu bahawa Aku ini terlebih ketahu akan yang ghaib-ghaib dalam tujuh lapis langit dan bumi dan Aku terlebih ketahu barang yang kamu nyata dan barang yang kamu sembunyi daripada kamu kata terlebih mulia dan terlebih mustahak (patut) jadi khalifah daripada Adam?".

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا
إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ ﴿٣٤﴾

Dan ketika Kami kata bagi segala malaikat: "Sujud oleh kamu bagi Adam, *tahiyyat* (tanda hormat) dengan ditunduk kepala sahaja, tiada dengan sujud dahi ke lantai. Maka mereka itu sujud melainkan iblis, dia bantah dengan sombong dan berkata: "Aku terlebih mulia daripada Adam. Iblis itu bapa keturunan jin, dia tinggal bersama malaikat dan (namun akhirnya) jadilah dia daripada jumlah segala orang kafir.

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ
وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ
الشَّجَرَةَ فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣٥﴾

Dan Kami kata bagi Adam: "Wahai adam, tinggallah engkau dan isteri engkau dalam syurga dan makan oleh kedua kamu daripadanya akan makanan yang banyak dan berbagai di mana sahaja kehendak kedua kamu dan jangan kamu berdua hampiri akan pohon ini dengan makan daripadanya iaitu gandum atau kurma¹⁸, maka sebab jadi kedua kamu daripada jumlah segala orang zalim!

فَأَزَلَّهُمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا
 فِيهِ وَقُلْنَا اهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ
 وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَاعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٣٦﴾

Maka menggelincir (menghasut sehingga terkeluar) akan keduanya oleh syaitan daripadanya syurga (kerana bersumpah Iblis bagi Adam dan Hawa dengan nama Allah bahawa dia daripada jumlah orang yang menasihat dan menyuruh akan keduanya supaya makan pohon khuldi itu, maka makan keduanya. Dan Kami kata: "Turun kamu sekalian kebumi setengah kamu bagi setengah tu berseteru (bermusuh-musuhan daripada zalim setengah kelompok akan setengah yang lain) dan bagi kamu pada dalam bumi itu tempat tinggal dan tempat bersedap-sedap hingga sampai waktu ajal kamu!

¹⁸

al-Mahalli & al-Suyuti, *Tafsir al-Jalalyn*, halaman 9

فَتَلَقَىٰ آدَمُ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ و

هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٣٧﴾

Maka bertemu Adam (Adam menyebut kalimat tertentu sebagai ucapan taubat kepada Allah) daripada Tuhannya beberapa kalimat taubat, diilham akan dia iaitu *Rabbanā zalamnā anfusanā wa in lam taghfirlanā watarhamnā lanakunanna min al-khāsirīn*, maknanya: Wahai Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami dan jika tiada Engkau ampunkan kami dan Engkau rahmati kami nescaya jadilah kami daripada jumlah segala orang yang mendapat kerugian, maka Adam berdoa dengannya, maka Allah menerima taubat atasnya kerana bahawasanya Allah Ta'ala itu ialah Tuhan yang banyak menerima taubat hambaNya lagi Amat Kasih Sayang.

قُلْنَا أَهْبَطُوا مِنْهَا جَمِيعًا ۖ فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّي هُدًى فَمَنْ تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا

هُم يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾

Kami kata: "Turun oleh kamu wahai Adam daripada syurga sekalian kamu ke bumi! maka manakala datang akan kamu daripada Aku itu hidayah melalui kitab dan rasul utusan Ku maka barang siapa ikut hidayah Aku,

rasul Aku dan kitab Aku, maka beriman dia dengan Aku dan amal dia dengan taatKu, maka tiada perasaan takut dan bimbang atas mereka itu pada hari akhirat dan tiada mereka itu rasa dukacita pada hari akhirat dengan (disebabkan) masuk mereka itu ke dalam syurga.

وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ
 أَصْحَابُ النَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٣٩﴾

Dan segala mereka yang kafir dan dusta mereka itu dengan segala kitab Kami itu mereka itulah segala yang mempunyai (penghuni) neraka, mereka itu (masuk) ke dalamnya hal keadaan berkekalan sekalian selama tiada keluar dan tiada fana' (binasa).

SERUAN BANI ISRAIL

يٰۤاِبْنَىٓ اِسْرٰٓءِىۡلَ اذْكُرُوۡا نِعْمَتِىۡ الَّتِىۡ اَنْعَمْتُ
 عَلَیْكُمْ وَاَوْفُوا بِعَهْدِىۡ اُوۡفِ بِعَهْدِكُمْ وَاِیَّىٓ
 فَاَرْهَبُوۡنَ ﴿٤١﴾ وَعٰمِنُوۡا بِمَاۤ اَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا
 لِّمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُوۡنُوۡا اَوَّلَ كٰفِرٍۭ بِهٖ ۗ وَلَا

تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِيَّايَ فَاتَّقُونِ ﴿٤١﴾
 وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا
 الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤٢﴾ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا
 الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: Wahai Bani Israil! Kenangkanlah kamu akan segala nikmat yang telah Aku berikan kepada kamu, dan sempurnakanlah perjanjian (kamu) denganKu, supaya Aku sempurnakan perjanjianKu Dengan kamu; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu merasa gerun dan takut, (bukan kepada sesuatu yang lain). Dan berimanlah kamu dengan apa yang Aku turunkan (al-Quran) yang mengesahkan benarnya kitab yang ada pada kamu, dan janganlah kamu menjadi orang yang mula-mula kafir (ingkar) akan dia; dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-ayatKu (sebagai harga untuk) membeli kelebihan-kelebihan yang sedikit faedahnya; dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu bertaqwa. Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya. Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk.

HURAIAN

يَبْنَى إِسْرَائِيلَ أَذْكَرُوا نِعْمَتِي الَّتِي أَنْعَمْتُ
عَلَيْكُمْ وَأَوْفُوا بِعَهْدِي أُوفِ بِعَهْدِكُمْ وَإِيَّيَ
فَأَرْهَبُونَ ﴿٥٠﴾

Wahai Bani Isra'il! Ingat oleh kamu akan nikmatKu yang telah Aku beri nikmat atas kamu, yakni atas datuk nenek kamu daripada melepas daripada ancaman dan seksaan Firaun dan membuka laut dan payung awan dan turun *mann* dan *salwa* dan lain yang demikian itu dengan bahawa kamu syukurnya dengan mengerjakan taat Aku dan sempurnakan oleh kamu dengan janjiKu daripada beriman dengan Muhammad nescaya Aku sempurnakan dengan janji kamu daripada *thawāb* mendapat pahala atasnya dengan masuk syurga dan akan Daku maka hendaklah kamu takut pada tinggal menyempurnakan dengannya, jangan takut lain daripada Aku.

وَعَامِنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا لِمَا مَعَكُمْ وَلَا
تَكُونُوا أَوَّلَ كَافِرٍ بِهِ ۗ وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا
قَلِيلًا وَإِنِّي فَاتَّقُونَ ﴿٤١﴾

Dan beriman oleh kamu dengan barang yang telah Aku turunkan kepada Muhammad daripada al-Quran hal keadaan yang membenarkan ia (al-Quran) bagi barang yang serta kamu daripada Taurat dengan muafakat baginya pada tauhid (mengesakan) Allah dan *nubuwwah* (kenabian) nabi dan jangan ada kamu itu awal orang yang kafir dengannya kerana orang yang kemudian daripada kamu mengikut bagi kamu, maka dosa mereka itu atas kamu. Dan jangan kamu beli (menjual) dengan ayatKu itu akan harga yang sedikit, iaitu sembunyi sifat Muhammad dan ayat rejam dalam Taurat dan Injil kerana takut luput barang yang mereka itu dapat daripada orang yang jahil-jahil mereka itu, dan akan Daku maka takut oleh kamu pada yang demikian itu, jangan takut kepada yang lain daripada Aku.

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤٢﴾

Dan jangan kamu campurkan yang benar iaitu yang Aku turunkan atas kamu melalui Nabi Muhammad itu dengan yang batil iaitu yang kamu perbuat (mereka-reka) akan dia. Dan jangan kamu sembunyikan perkara yang benar seperti sifat Muhammad yang dinyatakan dalam Taurat dan bermula kamu itu, ketahui kamu bahawasanya Nabi Muhammad itu adalah nabi sebenar.

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ

الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Dan diri oleh kamu akan sembahyang lima waktu dan beri oleh kamu akan zakat harta dan sembahyang oleh kamu seperti segala orang yang sembahyang iaitu Nabi Muhammad dan segala sahabatnya!

﴿٤٤﴾ وَأَنْتُمْ تَتْلُونَ الْكِتَابَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا

عَلَى الْخَاشِعِينَ ﴿٤٥﴾ الَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُمْ مُلَاقُوا

رَبِّهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿٤٦﴾

يَبْنِي إِسْرَائِيلَ

اذْكُرُوا نِعْمَتِيَ الَّتِي أَنْعَمْتُ عَلَيْكُمْ وَأَنِّي
 فَضَّلْتُكُمْ عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٤٧﴾ وَاتَّقُوا يَوْمًا لَا
 تَجْزِي نَفْسٌ عَن نَّفْسٍ شَيْئًا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا
 شَفَعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ

﴿٤٨﴾

Maksudnya: Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal? Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang yang khusyuk; (laitu) mereka yang percaya dengan yakin bahawa mereka akan menemui Tuhan mereka, dan bahawa mereka akan kembali kepadaNya. Wahai Bani Isra'il! Kenangkanlah nikmat-nikmatKu yang Aku telah kurniakan kepada kamu, dan (ingatlah) bahawasanya Aku telah melebihkan (nenek-moyang) kamu (yang taat dahulu) atas orang (yang ada pada zamannya). Dan peliharalah diri kamu dari (azab sengsara) hari (akhirat), yang padanya seseorang tidak dapat melepaskan orang lain (yang berdosa) sedikitpun (dari

balasan azab), dan tidak diterima syafaat daripadanya, dan tidak pula diambil daripadanya sebarang tebusan; dan mereka (yang bersalah itu) tidak akan diberi sebarang pertolongan.

HURAIAN

Ayat ini diturunkan bagi memerihalkan cerdik pandai Yahudi ketika mereka itu (Yahudi) berkata kepada segala kerabat mereka itu yang telah memeluk agama Islam: "Tetaplah oleh kamu atas agama Muhammad kerana sesungguhnya agama Islam itu adalah agama yang benar¹⁹.

﴿ أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ
وَأَنْتُمْ تَتْلُونَ الْكِتَابَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴾

Adakah kamu menyuruh manusia dengan kebajikan iaitu beriman dengan Muhammad dan kamu lupa akan diri kamu? Maka sebenarnya tiada kamu suruh beriman dengan Muhammad dan kamu itu baca kitab Taurat dan padanya ada janji-janji seksaan atas berlainan perkataan bagi perbuatan (bercakap lain, buatnya pula lain). Maka tiadakah kamu berakal (berfikir) akan kejahatan perbuat kamu itu?

¹⁹ al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, jilid 1, no. hadis 840, halaman 7

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا

عَلَى الْخَاشِعِينَ ﴿٤٥﴾

Dan minta tolong oleh kamu akan segala pekerjaan agama kamu itu dengan banyak sabar dan sembahyang! Terdapat sebuah hadis yang menyatakan: “adalah Nabi s.a.w apabila berasa susah akan dia oleh sesuatu perkara, Baginda s.a.w akan segera mengerjakan sembahyang²⁰”, dan bahawasanya sembahyang itu sangat berat atas seseorang melainkan atas segala orang yang khusyuk iaitu yang soleh-soleh, yang cenderung kepada taat.

الَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُمْ مُلَاقُوا رَبِّهِمْ وَأَنَّهُمْ إِلَىٰ

رَاجِعُونَ ﴿٤٦﴾

Iaitu segala mereka yang yakin bahawasanya mereka itu akan bertemu Tuhan mereka itu pada hari akhirat setelah bangkit dari kubur dan bahawasanya mereka itu kepadanya akan kembali sekalian kepada hari akhirat (maka Allah akan membalas atas amalan masing-masing sama ada baik atau jahat).

²⁰ Abu Daud, Sunan Abi Daud, Kitab al-Salāh, bab Waqt Qiyām al-Nabi s.a.w min al-Layl, no. Hadis: 1319. Hadis ini berstatus hasan.

يَبْنِي إِسْرَائِيلَ أَذْكُرُوا نِعْمَتِيَ الَّتِي أَنْعَمْتُ
عَلَيْكُمْ وَأَنِّي فَضَّلْتُكُمْ عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٤٧﴾

Telah dahulu maknanya dan tafsirnya, dan bahawasanya
Aku telah perlembihkan kamu atas segala alam, zaman
manusi itu.

وَاتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا
وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ
وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٤٨﴾

Dan takut oleh kamu akan hari kiamat yang tiada boleh
menolong seorang daripada kamu akan suatu dan tiada
diterima daripadanya syafaat dan tiada diambil
daripadanya tebusan dan tiada mereka itu ditolong oleh
yang boleh menolong mereka melepas diri daripada
azab Allah kerana mereka itu tidak mengikut hukum
Allah.

HURAIAN NIKMAT ALLAH ATAS YAHUDI SEPULUH
PERKARA

وَإِذْ نَجَّيْنَاكُمْ مِنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ
سُوءَ الْعَذَابِ يُذَبِّحُونَ أَبْنَاءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ
نِسَاءَكُمْ وَفِي ذَٰلِكُمْ بَلَاءٌ مِنْ رَبِّكُمْ عَظِيمٌ
﴿٤٩﴾ وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمْ الْبَحْرَ فَأَنْجَيْنَاكُمْ
وَأَغْرَقْنَا آلَ فِرْعَوْنَ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٥٠﴾ وَإِذْ
وَعَدْنَا مُوسَىٰ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ اتَّخَذْتُمُ الْعِجْلَ
مِنْ بَعْدِهِ وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ ﴿٥١﴾ ثُمَّ عَفَوْنَا عَنْكُمْ
مِنْ بَعْدِ ذَٰلِكَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٢﴾ وَإِذْ
ءَاتَيْنَا مُوسَىٰ الْكِتَابَ وَالْفُرْقَانَ لَعَلَّكُمْ
تَهْتَدُونَ ﴿٥٣﴾ وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ يٰقَوْمِ
إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ أَنْفُسَكُمْ بِاتِّخَاذِكُمُ الْعِجْلَ

فَتُوبُوا إِلَىٰ بَارِيكُمْ فَاقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ ذَٰلِكُمْ
 خَيْرٌ لَّكُمْ عِنْدَ بَارِيكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ
 إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٥٤﴾ وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ
 لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ نَرَىٰ اللَّهَ جَهْرَةً
 فَأَخَذَتْكُمْ الصَّاعِقَةُ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٥٥﴾ ثُمَّ
 بَعَثْنَاكَ مِنْ بَعْدِ مَوْتِكَ لَعَلَّكُمْ
 تَشْكُرُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Dan (kenangkanlah) ketika Kami selamatkan kamu dari Firaun dan orangnya, yang sentiasa menyiksa kamu dengan seksaan yang seburuk-buruknya; mereka menyembelih anak-anak lelaki kamu dan membiarkan hidup anak-anak perempuan kamu; sedang kejadian yang demikian itu mengandungi bala bencana dan cubaan yang besar dari Tuhan kamu. Dan (kenangkanlah) ketika Kami membelah laut (Merah) untuk kamu lalui (kerana melarikan diri dari angkara Firaun), maka Kami selamatkan kamu dan Kami tenggelamkan Firaun bersama-sama tenteranya, sedang kamu semua menyaksikannya. Dan (kenangkanlah)

ketika Kami berjanji kepada Nabi Musa (untuk memberi Taurat kepadanya sesudah dia bersiap selama) 40 malam. Kemudian, setelah dia pergi, kamu menyembah (patung) anak lembu, dan kamu sebenarnya orang yang zalim (terhadap diri sendiri). Kemudian sesudah itu, Kami maafkan kesalahan kamu, supaya kamu bersyukur. Dan (kenangkanlah) ketika Kami turunkan kepada Nabi Musa Kitab (Taurat) dan keterangan-keterangan (yang terkandung di dalamnya, yang membezakan antara yang benar dengan yang salah), supaya kamu mendapat petunjuk. Dan (kenangkanlah) ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: "Wahai kaumku! Sesungguhnya kamu telah menganiaya diri kamu sendiri dengan sebab kamu menyembah patung anak lembu itu, maka bertaubatlah kamu kepada Allah Yang Menjadikan kamu; Iaitu bunuhlah diri kamu. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu di sisi Allah Yang Menjadikan kamu, supaya Allah menerima taubat kamu itu. Sesungguhnya, Dia lah Yang Maha Pengampun (Penerima taubat), lagi Maha Mengasihani". Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: "Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang (dengan mata kepala kami)". Maka kerana itu kamu disambar petir, sedang kamu semua melihatnya. Kemudian Kami bangkitkan kamu sesudah kamu mati (atau pengan dari sambaran petir itu), supaya kamu bersyukur.

HURAIAN

وَإِذْ نَجَّيْنَاكُمْ مِّنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ
سُوءَ الْعَذَابِ يُذَبِّحُونَ أَبْنَاءَكُمْ وَيَسْتَحْيُونَ
نِسَاءَكُمْ وَفِي ذَٰلِكُمْ بَلَاءٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ



Dan ketika kami lepas akan kamu, iaitu datuk nenek kamu daripada raja Firaun yang memerintah Mesir, wahai Bani Israil! Merasai (menyiksa) mereka itu akan kamu akan sejahat-jahat (seberat-berat) azab, mereka menyembelih akan segala anak-anak lelaki kamu dan mereka menghidup (tidak mengapa-apakan) akan segala anak perempuan kamu, kerana menurut pandangan setengah ahli nujum Mesir bahawa terdapat seorang kanak-kanak lelaki akan dilahirkan dalam kalangan Bani Israil, yang akan menyebabkan Firaun kehilangan kuasa pemerintahannya, maka Firaun menyuruh supaya membunuh kanak-kanak lelaki yang dilahirkan dalam golongan Bani Israil sehingga dibunuh seramai dua belas ribu (12,000) kanak-kanak, ada yang mengatakan tujuh

puluh ribu (70,000)²¹ dan pada yang demikian itu bala bencana daripada Tuhan kamu yang besar.

وَإِذْ فَرَقْنَا بِكُمْ الْبَحْرَ فَأَنْجَيْنَاكُمْ وَأَغْرَقْنَا
ءَالَ فِرْعَوْنَ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٥٥﴾

Dan ketika Kami membuka (memisahkan laut sehingga menjadi lorong) dengan sebab kamu itu akan laut hingga masuk kamu akannya (melaluinya) kerana lari daripada Firaun dan Kami karamkan (tenggelamkan) kaum Firaun yang bersama-sama dengannya (Firaun) dan bermula kamu itu memandang sekalian kepada laut yang terkatup (bercamtum semula) atas mereka itu.

وَإِذْ وَعَدْنَا مُوسَىٰ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ أَخَذْنَا
الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ ﴿٥٦﴾

Dan ketika Kami janji akan Nabi Musa empat puluh (40) malam, Kami hendak berikan Taurat (kepada Nabi Musa). Ketika cukupnya sampai amal kamu dengannya, kemudian kamu ambil akan 'ajal, bentuk anak lembu yang ditempa oleh Sāmiri daripada emas dan perak, kamu sembah ia sebagai tuhan setelah Musa pergi ke tempat yang Kami janji, dan bermula kamu itu menjadi

²¹ al-Khazin, *Tafsir al-Khazin*, jilid 1, halaman 43

zalim sekalian kerana kamu beribadah kepada yang lain dari Allah.

ثُمَّ عَفَوْنَا عَنْكُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ لَعَلَّكُمْ
تَشْكُرُونَ ﴿٥٢﴾

Kemudian Kami maafkan dosa dan kesalahan kamu kemudian daripada yang demikian itu, mudah-mudahan kamu bersyukur akan nikmat Kami yang mana Kami telah ampunkan kesalahan kamu itu.

وَإِذْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَالْفُرْقَانَ لَعَلَّكُمْ
تَهْتَدُونَ ﴿٥٣﴾

Dan ketika kami datang (turunkan) akan Musa itu akan kitab Taurat dan Furqan, iaitu hukum yang membezakan antara yang benar dan yang salah, dan juga yang halal dan yang haram, mudah-mudahan kamu dapat hidayah dengannya daripada kesesatan.

وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِقَوْمِهِ ۖ يَتَقَوْمِ إِنِّكُمْ ظَلَمْتُمْ
أَنفُسَكُمْ بِاتِّخَاذِكُمُ الْعِجْلَ فَتُوبُوا إِلَىٰ

بَارِيكُمْ فَأَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ ذَالِكُمْ خَيْرٌ
 لَّكُمْ عِنْدَ بَارِيكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ إِنَّهُ هُوَ
 التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٥٤﴾

Dan ketika berkata Nabi Musa kepada kaumnya yang menyembah 'ajal (patung anak lembu): Wahai kaum aku, sesungguhnya kamu telah menzalimi diri kamu dengan sebab kamu mengambil patung anak lembu itu sebagai sembah dengan perbuat tuhan, maka hendaklah kamu bertaubat kepada Tuhan yang sebenar yang telah menjadikan kamu, maka bunuh oleh kamu akan diri kamu, erti hendaklah bunuh orang yang baik yang tidak menyembah 'ajal itu akan orang yang berdosa yang menyembah 'ajal²². Bermula yang demikian itu, taubat dengan membunuh diri itu, terlebih baik bagi kamu kepada Tuhan yang menjadi akan kamu, maka Dia memberi taufik akan kamu bagi perbuatan yang demikian itu, dan Allah SWT memerintahkan awan hitam menyelubungi atas kamu supaya tiada kelihatan setengah kamu akan setengah yang menjadi sebab bagi rasa kasihan sehingga terbunuh daripada kamu sejumlah tujuh puluh ribu (70,000) orang²³. Maka Allah SWT menerima taubat kamu itu, bahawasanya Allah

²² al-Mahalli & al-Suyuti, *Tafsir al-Jalalyn*, halaman 12

²³ Rujukan seperti di atas

Ta'ala ialah Tuhan Yang Menerima taubat lagi Maha Kasih Sayang kepada hambaNya.

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ نَرَىٰ اللَّهَ
جَهْرَةً فَأَخَذَتْكُمُ الصَّيْقَةُ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ﴿٥٥﴾

Dan ketika kamu kata: Wahai Musa, (iaitu ketika kamu keluar bersama Musa supaya kamu boleh minta uzur daripada Allah bagi kaum penyembah 'ajal dan kamu dengar kalamNya) kami tiada beriman bagi engkau dengan bahawa yang kami dengar itu Kalam Allah sehingga kami dapat melihat akan Allah secara terang-terangan. Maka mengambil (menyambar) akan kamu oleh halilintar maka kamu mati, dan bermula kamu itu memandang setengah yang lain daripada kamu yang telah mati (kerana disambar kilat).

ثُمَّ بَعَثْنَاكُم مِّن بَعْدِ مَوْتِكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَشْكُرُونَ ﴿٥٦﴾

Kemudian Kami hidupkan kamu kemudian daripada mati kamu selepas sehari semalam. Mudah-mudahan kamu bersyukur akan nikmat kami dengan yang demikian itu.

KISAH DI PADANG PASIR

وَوَضَعْنَا عَالَيْكُمْ الْغَمَامَ وَأَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ
الْمَنَّ وَالسَّلْوَىٰ كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ
وَمَا ظَلَمُونَا وَلَكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٥٧﴾
وَإِذْ قُلْنَا أَدْخُلُوا هَذِهِ الْقَرْيَةَ فَكُلُوا مِنْهَا
حَيْثُ شِئْتُمْ رَغَدًا وَأَدْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا
وَقُولُوا حِطَّةٌ نَّغْفِرْ لَكُمْ خَطِيئَتَكُمْ وَسَنَزِيدُ
الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾ فَبَدَّلَ الَّذِينَ ظَلَمُوا قَوْلًا غَيْرَ
الَّذِي قِيلَ لَهُمْ فَأَنْزَلْنَا عَلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا رِجْزًا
مِّنَ السَّمَاءِ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿٥٩﴾

Maksudnya: Dan Kami telah menaungi kamu dengan awan (dari panas matahari di padang pasir) dan Kami turunkan kepada kamu "Mann" dan "Salwa", (serta Kami berfirman): "Makanlah dari makanan-makanan yang baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu". dan tidaklah mereka menganiaya Kami (sebab mereka

kufurkan nikmat itu), tetapi sebenarnya mereka adalah menganiaya diri sendiri. Dan (kenangkanlah) ketika Kami berfirman: "Masuklah kamu ke bandar ini, kemudian makanlah dari benda-benda yang ada di dalamnya dengan sepuas-puasnya, apa sahaja yang kamu sukai, dan masuklah kamu melalui pintunya dengan tunduk (merendah diri); dan (mintalah ampun dengan) berkata: Ya Allah, ampunilah dosa kami; supaya Kami ampunkan kesalahan-kesalahan kamu, dan Kami akan tambah pula pahala orang yang berbuat baik. Kemudian orang yang zalim (penderhaka) itu mengubah perkataan (perintah Kami) yang dikatakan kepada mereka dengan melakukan sebaliknya; maka Kami turunkan ke atas orang yang zalim itu bala bencana dari langit, dengan sebab mereka sentiasa berlaku fasiq (menderhaka).

HURAIAN

وَضَلَّلْنَا عَلَيْكُمُ الْغَمَامَ وَأَنْزَلْنَا عَلَيْكُمُ
الْمَنَّ وَالسَّلْوَٰى ۖ كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ
وَمَا ظَلَمُونَا وَلَٰكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ

Dan telah Kami payung atas kamu akan awan yang nipis daripada panas matahari pada Padang Teh (satu kawasan di padang pasir) iaitu antara negeri Syam dan Mesir, ukuran lebarnya tiga puluh farsakh (360,000 hasta), ukuran memanjang pula sembilan farsakh (108,000 hasta), satu farsakh bersamaan dengan tiga mil (1 mil berukuran 4000 hasta), empat puluh tahun Bani Isra'il sesat di dalamnya, tiada boleh keluar daripadanya sehingga seramai enam ratus ribu orang (600,000) telah mati melainkan yang belum sampai umur dua puluh tahun. Nabi Harun turut wafat di sana dan Nabi Musa pula wafat setelah setahun kewafatan Nabi Harun²⁴. Hal ini disebabkan umur Nabi Harun melebihi Nabi Musa setahun. Dan telah Kami turunkan atas kamu padanya akan *Mann* dan *Salwa*, maka *Mann* itu turun seperti embun (keadaan seperti madu) daripada fajar hingga naik matahari pada kadar seorang segantang, *Salwa* pula ialah burung sintar (puyuh putih)²⁵. Makan oleh kamu daripada makanan yang lazat-lazat yang telah kami rezekikan kepada kamu dan jangan kamu taruh (simpan), maka mereka telah mengkufuri kurniaan itu dengan menyimpannya. Hal yang demikian itu menyebabkan Allah SWT menarik balik kurniaanNya itu daripada mereka. Dan tiada Kami zalimi akan mereka itu, tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri kerana kejahatan dan kezaliman itu kembali kepada mereka itu pada hari akhirat.

²⁴ al-Jamal, *Tafsir al-Jamal*, jilid 1, halaman 55

²⁵ Rujukan seperti di atas

وَإِذْ قُلْنَا ادْخُلُوا هَذِهِ الْقَرْيَةَ فَكُلُوا مِنْهَا حَيْثُ
شِئْتُمْ رَغَدًا وَاَدْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا
حِطَّةٌ نَغْفِرْ لَكُمْ خَطَايَاكُمْ وَسَنَزِيدُ

الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾

Dan ketika Kami kata akan mereka itu kemudian daripada mereka itu keluar daripada Padang Teh: Masuk oleh kamu akan kampung ini iaitu Baitul Maqdis, Palestin atau Rihā' (nama satu tempat), maka makan oleh kamu daripadanya (di sana) di mana sahaja tempat yang kamu kehendaki akan makanan yang banyak dan luas yang tiada tegahan padanya, dan masuk oleh kamu melalui pintu Baitul Maqdis hal keadaan kamu sujud iaitu bongkokkan (tundukkan) kepala tubuh dan kata oleh kamu: Tuhan, ampunkan dosa kami, nescaya Kami akan mengampunkan bagi kamu akan segala dosa kamu dan Kami akan tambahkan segala orang yang berbuat kebajikan itu akan pahala di dalam syurga.

فَبَدَّلَ الَّذِينَ ظَلَمُوا قَوْلًا غَيْرَ الَّذِي قِيلَ لَهُمْ
فَأَنْزَلْنَا عَلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا رِجْزًا مِّنَ السَّمَاءِ بِمَا
كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿٥٩﴾

Maka menukar oleh segala orang yang zalim itu akan perkataan lain daripada yang dikata bagi mereka itu; sebiju gandum pada gandum-gandum yang banyak (Allah SWT perintahkan supaya diucapkan kalimah *hittah* yang bermaksud ampunilah kami, tetapi mereka mengucapkan *hintah* iaitu gandum), meringan-ringankan hukum Allah dan membuat olok-olok sebagai ganti mohon keampunan ketika memasuki Baitul Maqdis bahkan mereka itu masuk ke dalam Baitul Maqdis dengan cara mengesot atas punggung (mengheret punggung). Maka Kami turunkan atas semua mereka yang zalim itu akan azab taun daripada langit dengan sebab perbuatan buruk dan fasid, mereka itu tiada mengerja taat, maka mati daripada mereka itu pada satu saat seramai tujuh puluh ribu (70,000) orang atau kurang²⁶.

²⁶

al-Mahalli & al-Suyuti, *Tafsir al-Jalalyn*, halaman 13

KISAH PERISTIWA PINTA HUJAN

وَإِذِ اسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ
بِعَصَاكَ الْحَجَرَ فَانْفَجَرَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ
عَيْنًا قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ ۖ كُلُوا وَاشْرَبُوا
مِن رِّزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ
﴿٦٠﴾ وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نَصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ
وَاحِدٍ فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ
الْأَرْضُ مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا
وَبَصَلِهَا قَالَ أَتَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي
هُوَ خَيْرٌ أَهْبِطُوا مِصْرًا فَإِنَّ لَكُمْ مَّا سَأَلْتُمْ
وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءُوا
بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ

بِأَيِّتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْتَبِيْنَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ذَٰلِكَ
بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٦٦﴾ إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا
وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصْرَىٰ وَالصَّبِئِينَ مِنْ ءَامَنَ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ
عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

﴿٦٦﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: "Pukullah batu itu dengan tongkatmu", (baginda pun memukulnya), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air; sesungguhnya tiap-tiap satu puak (di antara mereka) telah mengetahui tempat minumannya masing-masing. (dan Kami berfirman): "Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi". Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: "Wahai Musa, kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja; maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; dari sayur-sayurannya,

dan mentimunnya, dan bawang putihnya, dan 'adas (kacang dalnya), serta bawang merahnya". Nabi Musa menjawab: "Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik? Turunlah kamu ke bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu". Dan mereka ditimpa dengan kehinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengingkari) ayat-ayat Allah (perintah-perintah dan mukjizat-mukjizat yang membuktikan kebesarannya); dan mereka pula membunuh nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderhaka dan mereka pula sentiasa menceroboh. Sesungguhnya orang yang beriman, dan orang Yahudi dan orang Nasrani, dan orang *Sābi'īn* sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

وَإِذِ اسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ
بِعَصَاكَ الْحَجَرَ فَانْفَجَرَتْ مِنْهُ اثْنَا عَشْرَةَ
عَيْنًا قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ ۖ كُلُوا وَاشْرَبُوا
مِن رِّزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعَثُّوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ



Dan ketika Nabi Musa minta hujan untuk kaumnya dan sungguh dahaga mereka itu di Padang Teh, maka Kami berfirman kepada Nabi Musa: pukul olehmu dengan tongkat mu itu akan batu ini! Iaitu batu yang ringan berukuran empat segi (berbucu) hasta, dibawa bersama di atas kainnya, pada hasta seperti kepala orang, seperti batu marmar atau batu yang lembut, keras atau seroi (mudah pecah), maka baginda memukul batu itu. Maka terpancut daripadanya dua belas mata air mewakili 12 puak Bani Isra'il²⁷. Sungguh telah mengetahui oleh tiap-tiap puak itu tempat minum mereka, maka tiada sekutu mereka itu oleh lainnya. Dan Kami berfirman kepada

27

al-Mahalli & al-Suyuti, *Tafsir al-Jalalyn*, halaman 13

mereka itu: Makan dan minum oleh kamu daripada rezeki Allah dan jangan kamu berbuat kerosakan pada dalam bumi ini! Pada hal sebenarnya kamu telah melakukan kerosakan.

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَى لَنْ نَصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَاحِدٍ
فَادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُخْرِجْ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ
مِنْ بَقْلِهَا وَقِثَّائِهَا وَفُومِهَا وَعَدَسِهَا وَبَصَلِهَا^ط
قَالَ أَتَسْتَبْدِلُونَ الَّذِي هُوَ أَدْنَىٰ بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ^ج
أَهْبِطُوا مِصْرًا فَإِنَّ لَكُمْ مِمَّا سَأَلْتُمْ^ق وَضُرِبَتْ
عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ
اللَّهِ^ق ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ
وَيَقْتُلُونَ النَّبِيَّيْنَ بِغَيْرِ الْحَقِّ^ق ذَٰلِكَ بِمَا عَصَوْا
وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٦١﴾

Dan ketika kamu berkata kepada Musa: Wahai Musa, tiada kami mampu bersabar atas makanan yang satu macam sahaja, iaitu *Mann* dan *Salwa* sahaja, maka doa

olehmu untuk kami kepada Tuhan kamu supaya Dia mengeluarkan kepada kami daripada sesuatu yang tumbuh di bumi daripada sayuran, timun, gandum, kacang, 'adas dan bawangnya. Nabi Musa bertanya: Adakah kamu minta supaya ditukarkan sesuatu yang terlebih kurang dengan sesuatu yang terlebih baik? Maka mereka membantah supaya memenuhi permintaan itu, maka Nabi Musa berdoa kepada Allah, lantas Allah SWT berfirman: Turun (pergi) oleh kamu ke Negeri Mesir, maka di sana terdapat barang yang kamu pinta daripada tumbuh-tumbuhan, dan menjadi atas mereka itu kehinaan dan kemiskinan. Hal ini bermaksud kepapaan dan kehinaan itu patut berlaku kepada mereka dan jika mereka itu kaya sekalipun seperti lazim *sikkah* (besi yang diukir untuk menempa duit siling) lukisan acuan bagi dirham yang ditempa, dan kembali mereka itu dengan murka daripada Allah. Bermula yang demikian itu dengan sebab bahawa mereka itu kufur dengan segala ayat Allah Ta'ala daripada Taurat, Injil dan al-Quran, dan mereka membunuh akan segala nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar, seperti Nabi Zakaria dan Yahya. Diriwayat bahawa orang Yahudi telah membunuh tujuh puluh orang nabi hanya pada satu pagi²⁸. Bermula yang demikian itu dengan sebab barang yang menderhaka oleh mereka itu dan adalah mereka itu telah melampaui had pada mengerjakan perbuatan maksiat kepada Allah.

²⁸ al-Khazin, *Tafsir al-Khazin*, jilid 1, halaman 50

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّٰرِئِ
 وَالصَّٰبِغِينَ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ
 وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا
 خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾

Bahawa segala orang mukmin dan segala orang Yahudi dan Nasrani dan *Sābi'in* ini, mereka itulah yang beriman dengan Allah dan hari yang kemudian (hari akhirat) dan mereka beramal dengan amalan yang soleh-soleh berserta syariatnya, maka golongan *Sābi'in* itu merupakan satu kumpulan daripada Yahudi atau Nasrani²⁹, maka bagi mereka itu pahala amal perbuatan yang dikerjakan untuk Tuhan mereka dan mereka tiada takut dan berdukacita ketika berdukacita oleh segala kafir pada hari kiamat.

²⁹

al-Mahalli & al-Suyuti, *Tafsir al-Jalalyn*, halaman 14

KISAH BANI ISRAIL YAHUDI MENGAMBIL JANJI

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ
خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَاذْكُرُوا مَا فِيهِ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ
فَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَكُنْتُمْ مِنَ
الْخَاسِرِينَ ﴿٦٤﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil perjanjian setia kamu semasa Kami mengangkat Gunung Tursina di atas kamu (sambil Kami berfirman): "Terimalah Taurat yang telah Kami berikan kepada kamu (serta amalkanlah) dengan bersungguh-sungguh, dan ingatlah (jangan lupakan) apa yang tersebut di dalamnya, supaya kamu bertaqwa. Kemudian sesudah itu kamu membelakangkan perjanjian setia kamu itu (tidak menyempurnakannya); maka kalau tidak kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihannya kepada kamu (dengan membuka pintu taubat), nescaya kamu menjadi dari golongan orang yang rugi.

HURAIAN

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ
خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَأَذْكُرُوا مَا فِيهِ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٦٣﴾

Dan ketika Kami ambil perjanjian kamu dengan mengamalkan perkara-perkara yang terdapat dalam Taurat dan Kami angkat atas kepala kamu itu Bukit Tursina tatkala kamu membantah daripada menerimanya dan Kami berfirman: Ambil oleh kamu hal-hal yang Kami datangkan kepadamu itu dengan bersungguh-sungguh, dan ingatlah perkara-perkara yang terdapat di dalamnya iaitu Taurat dengan mengamalkannya. Mudah-mudahan kamu terpelihara daripada azab api neraka!

ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ
عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَكُنْتُمْ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٦٤﴾

Kemudian kamu berpaling daripada mentaatinya kemudian daripada perjanjian itu. Maka jika tiada Allah

SWT mengurniakan kepada kamu dan rahmatNya dengan taubat, serta dilambatkan azabNya nescaya jadilah kamu daripada segala orang yang rugi, yang binasa sekalian kerana melakukan perbuatan maksiat.

KISAH PERISTIWA PENANGKAPAN IKAN PADA HARI SABTU

وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ الَّذِينَ أَعْتَدُوا مِنْكُمْ فِي السَّبْتِ
فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ ﴿٦٥﴾ فَجَعَلْنَاهَا
نَكَالًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا وَمَوْعِظَةً
لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٦٦﴾

Maksudnya: Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui (bagaimana buruknya akibat) orang yang di antara kamu yang melanggar (larangan) pada hari Sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka: "Jadilah kamu kera yang hina". Maka Kami jadikan apa yang berlaku itu sebagai suatu hukuman pencegahan bagi orang yang ada pada masa itu dan orang yang datang kemudian, dan suatu pengajaran bagi orang yang (hendak) bertaqwa.

وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ الَّذِينَ أُعْتَدُوا مِنْكُمْ فِي السَّبْتِ
 فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ ﴿٦٥﴾

Demi Allah, sungguh telah kamu ketahui akan segala mereka yang melampaui had hukum daripada kamu ketika mengambil (menangkap) ikan pada hari Sabtu dan sungguh telah Kami tegah mereka itu daripada melakukannya. Mereka merupakan ahli *ailah*, yang tinggal di tepi laut Syam pada zaman Nabi Daud a.s. Mereka berjumlah tujuh puluh ribu (70,000) orang dan terbahagi kepada tiga kumpulan; kumpulan pertama ialah mereka yang menahan diri dari menangkap ikan di samping menegah orang lain, kumpulan kedua pula ialah golongan yang hanya menahan diri sahaja tanpa menegah perbuatan orang lain, manakala kumpulan yang ketika merupakan golongan yang menangkap ikan pada hari Sabtu tersebut³⁰, maka Kami berfirman kepada mereka yang menangkap ikan itu: "Jadi kamu kera berupa keji sekalian", maka jadi kera mereka itu dan

³⁰ al-Khazin, *Tafsir al-Khazin*, jilid 1, halaman 51 dan al-Jamal, *Tafsir al-Jamal*, jilid 1, halaman 62

mereka itu mati selepas tiga hari dan terlepas dua kumpulan lagi yang tiada mengambil ikan³¹.

فَجَعَلْنَاهَا نَكَالًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهَا وَمَا خَلْفَهَا

وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٦٦﴾

Maka Kami jadikan ia sebagai tauladan bagi orang semasanya dan orang yang kemudiannya serta pengajaran bagi sekalian orang yang *muttaqin*, yang takut akan Allah SWT. Peristiwa mereka itu disebut kerana mereka itulah yang mengambil manfaat dengan tauladan apa yang berlaku itu tidak seperti orang lain yang tiada berfikir dan tidak merenung terhadap apa yang terjadi.

³¹ Mengikut pandangan jumhur ahli tafsir, rupa paras mereka diubah seperti kera disebabkan perbuatan maksiat yang dilakukan. Qatadah mengatakan bahawa remaja di kalangan mereka berubah menjadi kera manakala orang dewasa menjadi babi. Rentetan daripada itu, mereka tidak dapat melahirkan anak, tidak makan, tidak minum dan hidup mereka selepas peristiwa tersebut tidak melebihi tiga hari sahaja, kesemua mereka mati.

KISAH BERKAITAN LEMBU

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ
تَذْبَحُوا بَقَرَةً قَالُوا أَتَتَّخِذُنَا هُزُورًا قَالِ أَعُودُ
بِاللَّهِ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْجَاهِلِينَ ﴿٦٧﴾ قَالُوا ادْعُ
لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا
بَقَرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بَكْرٌ عَوَانُ بَيْنَ ذَلِكَ
فَأَفْعَلُوا مَا تُؤْمَرُونَ ﴿٦٨﴾ قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ
يُبَيِّنْ لَنَا مَا لَوْنُهَا قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ
صَفْرَاءُ فَاقِعٌ لَوْنُهَا تَسُرُّ النَّظِيرِينَ ﴿٦٩﴾ قَالُوا
ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ إِنَّ الْبَقَرَ تَشَبَهَ
عَلَيْنَا وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ لَمُهْتَدُونَ ﴿٧٠﴾ قَالَ إِنَّهُ
يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا ذَلُولٌ تُثِيرُ الْأَرْضَ وَلَا

تَسْقِي الْحَرْثَ مُسَلَّمَةً لَّا شِيَةَ فِيهَا قَالُوا أَلَّعْنَ
 جِئْتَ بِالْحَقِّ فذَبَّجُوهَا وَمَا كَادُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧١﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah), ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh supaya kamu menyembelih seekor lembu betina". mereka berkata: "Adakah engkau hendak menjadikan kami ini permainan?" Nabi Musa menjawab: "Aku berlindung kepada Allah daripada menjadi salah seorang dari golongan yang jahil (yang melakukan sesuatu yang tidak patut)". Mereka berkata pula: "Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami bagaimana (sifat-sifat) lembu itu?" Nabi Musa menjawab: "Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) di antara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu melakukannya". Mereka berkata lagi: "Pohonlah kepada Tuhanmu untuk kami supaya diterangkan kepada kami apakah warnanya?" Nabi Musa menjawab: "Bahawasanya Allah berfirman bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu kuning, kuning tua warnanya, lagi menyukakan orang yang melihatnya". Mereka berkata lagi: "Pohonlah kepada Tuhanmu untuk kami supaya diterangkan kepada kami lembu betina yang mana satu? Kerana sesungguhnya lembu yang dikehendaki itu kesamaran kepada kami (susah kami

memilihnya), dan kami insya Allah akan mendapat petunjuk (untuk mencari dan menyembelih lembu itu)". Nabi Musa menjawab: "Bahawasanya Allah berfirman: Sebenarnya (lembu yang dikehendaki itu) ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (sawah bendang), dan tidak pula (digunakan mengangkut air) untuk menyiram tanaman; ia juga tidak cacat dan tidak ada belang pada warnanya". Mereka berkata: "Sekarang baharulah engkau dapat menerangkan sifat-sifatnya yang sebenar". Maka mereka pun menyembelih lembu tersebut, dan hampir-hampir mereka tidak dapat menunaikan (perintah Allah) itu.

HURAIAN

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ
تَذْبَحُوا بَقَرَةً قَالُوا أَتَتَّخِذُنَا هُزُوعًا قَالِ أَعُودُ
بِاللَّهِ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْجَاهِلِينَ

Dan ketika berkata Nabi Musa kepada kaumnya dan sungguh telah dibunuh dalam kalangan mereka itu seorang manusia bernama Amil, tidak diketahui siapa yang membunuhnya. Lalu mereka meminta kepada Nabi Musa supaya berdoa kepada Allah semoga dinyatakan orang yang melakukan perbuatan bunuh itu, maka Nabi

Musa berdoa, seraya bersabda: Bahawasanya Allah Ta'ala menyuruh kamu menyembelih seekor lembu, mereka itu berkata: Adakah engkau ingin berolok-olok dengan kami kerana menyuruh sedemikian rupa? Nabi Musa bersabda: Aku minta berlindung dengan Allah bahawa aku menjadi daripada jumlah segala orang yang jahil yang mengolok-olok orang lain.

قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ قَالَ إِنَّهُ
 يَقُولُ إِنَّهَا بَقْرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بَكْرٌ عَوَانٌ
 بَيْنَ ذَلِكَ ۖ فَافْعَلُوا مَا تُؤْمَرُونَ ﴿٦٨﴾

Maka tatkala diketahui mereka itu bahawa jawapan yang baginda berikan itu adalah benar, mereka berkata: Doa olehmu untuk kami kepada Tuhan engkau supaya Dia menyatakan berapa umur lembu itu? Sabda Nabi Musa bahawa Allah Ta'ala berfirman bahawa lembu itu berupa seekor lembu yang tidak besar dan tidak kecil, pertengahan antara yang demikian itu, maka lakukanlah apa yang disuruh itu dengan menyembelihnya.

قَالُوا أَدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا لَوْنُهَا قَالَ إِنَّهُ
يَقُولُ إِنَّهَا بَقْرَةٌ صَفْرَاءُ فَاقِعٌ لَوْنُهَا تَسُرُّ
النَّظِيرِينَ ﴿٦٩﴾

Mereka berkata lagi: mohon doakan kepada Tuhan engkau supaya Dia menyatakan apakah warnanya? Sabda Nabi Musa bahawasanya Allah Ta'ala berfirman bahawa lembu itu merupakan seekor lembu yang berwarna kuning, yang sangat kuning warnanya, yang membuatkan hati orang yang melihatnya menjadi senang dan suka kerana keadaannya yang elok.

قَالُوا أَدْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ إِنَّ الْبَقْرَ
تَشَبَهَ عَلَيْنَا وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ لَمُهْتَدُونَ ﴿٧٠﴾

Mereka itu berkata: Mohon didoakan bagi kami kepada Tuhan engkau supaya Dia menyatakan apakah ianya? adakah yang beri makan sahaja atau yang buat kerja? Sungguh keadaan lembu itu telah mengelirukan kami dan menjadi kesamaran atas kami kerana banyaknya maka kami tiada dapat hidayah pada maksud keadaan lembu sebenar dan bahawasa kami dengan izin Allah akan dapat petunjuk yang sebenar, ertinya kami boleh dapat lembu yang dimaksudkan itu. Dalam sebuah

hadith dinyatakan: 'Jika mereka tidak ucapkan kalimat "insya Allah (dengan izin Allah)" nescaya tidak akan nyata keadaan lembu itu kepada mereka selamalamanya³².

قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقْرَةٌ لَا ذَلُولٌ تُثِيرُ الْأَرْضَ
وَلَا تَسْقِي الْحَرْثَ مُسَلَّمَةٌ لَا شِيَةَ فِيهَا قَالُوا
أَلَنْ جِئْتَنَا بِالْحَقِّ فَذَبْحُوهَا وَمَا كَادُوا
يَفْعَلُونَ

Sabda Nabi Musa bahawasanya Allah Ta'ala berfirman bahawa lembu itu adalah seekor lembu yang yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (sawah bendang), dan tidak pula (digunakan mengangkut air) untuk menyiram tanaman; ia juga tidak cacat dan tidak ada belang pada warnanya. Mereka itu berkata: Sekarang ini telah engkau bawa datang maksud yang sebenarnya kepada kami, maka mereka itu mencarinya. Mereka mendapati lembu itu berada pada seorang pemuda yang banyak berbuat baik kepada ibunya, mereka membeli lembu itu dengan harga penuh kulitnya

³² al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, jilid 2, no. hadith: 1239, 1242 dan 1244, halaman 204-206

dengan emas³³, maka mereka menyembelih lembu itu dan hampir-hampir mereka itu tidak melakukannya disebabkan harganya yang mahal. Dalam sepotong hadith yang lain dinyatakan: Jika mereka menyembelih mana-mana lembu yang ada nescaya telah memadai, tetapi mereka telah membuatnya menjadi sukar, mereka menyusahkan diri mereka sendiri. Oleh sebab mereka sukar melaksanakan arahan, Allah SWT menyukarkan pekerjaan mereka³⁴.

PERMULAAN KISAH PEMBUNUHAN TERSEBUT

وَإِذْ قَتَلْتُمْ نَفْسًا فَادَّارَأْتُمْ فِيهَا وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا
كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٧٢﴾ فَقُلْنَا اضْرِبُوهُ بِبَعْضِهَا
كَذَلِكَ يُحْيِي اللَّهُ الْمَوْتَى وَيُرِيكُمْ آيَاتِهِ
لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٧٣﴾ ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِّنْ
بَعْدِ ذَلِكَ فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً وَإِنَّ

³³ al-Mahalli & al-Suyuti, *Tafsir al-Jalalyn*, halaman 15

³⁴ al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, jilid 2, no. hadith: 1235, 1238 dan 1245, halaman 204-206

مِنَ الْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ الْأَنْهَارُ وَإِنَّ مِنْهَا
 لَمَا يَشَّقُّ فَيَخْرُجُ مِنْهُ الْمَاءُ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا
 يَهْبِطُ مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَمَا اللَّهُ بِغَفِلٍ عَمَّا
 تَعْمَلُونَ ﴿٧٤﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah), ketika kamu membunuh seorang manusia, kemudian kamu tuduh-menuduh sesama sendiri tentang pembunuhan itu, padahal Allah tetap melahirkan (menzahirkan) apa yang kamu sembunyikan. Maka Kami (Allah) berfirman: "Pukullah si mati dengan sebahagian anggota lembu yang kamu sembelih itu" (mereka pun memukulnya dan dia kembali hidup). Demikianlah Allah menghidupkan orang yang telah mati, dan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanNya, supaya kamu memahaminya. Kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi. Padahal di antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya; dan ada pula di antaranya yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya; dan ada juga di antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah; sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu kerjakan.

HURAIAN

وَإِذْ قَتَلْتُمْ نَفْسًا فَادَّارَأْتُمْ فِيهَا ^{صَلِّ} وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا
كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٧٢﴾

Dan ketika kamu membunuh seorang manusia maka bertolak-tolak (tuduh-menuduh) kamu pada perbuatan itu. Kata ulama: Dalam kalangan Bani Isra'il terdapat seorang lelaki kaya, namanya Amil, dia mempunyai seorang sepupu yang miskin dan tiada waris yang lain selainnya. Oleh sebab lelaki kaya itu lambat mati maka dia dibunuh supaya segala hartanya itu boleh dipusakakan. Peristiwa tersebut diadu kepada Nabi Musa supaya orang yang membunuh itu dikenal pasti, lantas baginda a.s berdoa kepada Allah SWT. Setelah itu, Allah SWT menyuruh masyarakat Bani Israil supaya menyembelih seekor lembu dan memukul mayat itu dengan sebahagian anggota lembu terbabit. Dan bermula Allah itu ialah Tuhan yang mengeluarkan (mendedahkan) perkara-perkara yang kamu sembunyikan.

فَقُلْنَا أَضْرِبُوهُ بِبَعْضِهَا كَذَلِكَ يُحْيِي اللَّهُ الْمَوْتَى
 وَيُرِيكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٧٣﴾

Maka Kami berfirman: Pukul oleh kamu akannya iaitu mayat itu dengan sebahagian anggota lembu! Maka mayat itu dipukul dengan lidahnya atau hujung ekornya, lantas mayat itu hidup kembali seraya berkata: Telah membunuhku oleh si fulan, lalu dia mati semula. Setelah itu, si pembunuh itu dijatuhkan pula dengan hukuman bunuh ke atas mereka. Firman Allah Ta'ala: Seperti yang demikian itulah Allah menghidupkan pada hari Kiamat akan sekalian orang yang mati dan memperlihatkan kepada kamu segala dalil kekuasaanNya, mudah-mudahan kamu berakal, maka kamu ketahui Tuhan Yang Berkuasa menghidupkan satu nyawa itu sudah tentu Berkuasa menghidupkan nyawa-nyawa yang lain, maka hendaklah kamu beriman dengan Tuhan Yang Maha Esa.

ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَهِيَ
 كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً وَإِنَّ مِنَ الْحِجَارَةِ لَمَا
 يَتَفَجَّرُ مِنْهُ الْأَنْهَارُ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَشَّقُّ

فَيَخْرُجُ مِنْهُ الْمَاءُ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَّا يَلْبَسُ مِنْ
 خَشْيَةِ اللَّهِ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٧٤﴾

Kemudian telah menjadi keras segala hati kamu, wahai segala Yahudi daripada menerima hal-hal yang sebenar kemudian daripada yang demikian itu. Hati-hati mereka itu keras seperti batu atau terlebih keras lagi. Bahawa setengah daripada batu itu telah memancar daripadanya beberapa air sungai, seperti batu yang Nabi Musa pukul ketika mohon hujan untuk umatnya, dan bahawa setengah daripada batu itu telah pecah maka keluar daripadanya air dan bahawa setengah daripada batu juga ia jatuh daripada atas ke bawah kerana takut akan Allah, seperti bukit yang Allah Ta'ala *Tajalla* kepada Nabi Musa. Dan hati kamu itu tidak memberi bekas, tidak lembut dan tidak khusyuk terhadap suruhan Allah, dan tiada Allah Ta'ala itu lalai daripada apa-apa yang kamu lakukan³⁵.

³⁵ al-Razi, *Tafsir al-Razi*, jilid 3, halaman 140 dan al-Jamal, *Tafsir al-Jamal*, jilid 1, halaman 66

Rujukan

al-Quran al-Karim al-Haramain: Terjemahan & Tajwid Berwarna, Selangor: Karya Bestari

Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy'ath, 1424H. Sunan Abi Daud, al-Riyad: Maktabat al-Ma'arif

al-Baydawi, Nasir al-Din, 2010. Tafsir al-Baydawi, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, 1400H. Sahih al-Bukhari, Qahirah: al-Matba'at al-Salafiyyah

al-Jamal, Sulaiman bin Umar. 2011, Tafsir al-Jamal, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

al-Khazin, 'Ala al-Din Ali bin Muhammad. 2010, Tafsir al-Khazin, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

al-Mahalli & al-Suyuti, Jalal al-Din. 2010, Tafsir al-Jalalyn, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

al-Nasafi, Abu al-Barakat Abdullah bin Ahmad. 2011, Tafsir al-Nasafi, Beirut; Dar Ibn Kathir.

al-Qurtubi, Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad, 2010. Tafsir al-Qurtubi, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

al-Razi, Muhammad al-Razi Fakhr al-Din, 2009. Tafsir al-Razi, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

al-Suyuti, Jalal al-Din, 2002. Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul, Beirut: Muassasat al-Kutub al-Thaqafiyyah

al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. 1374H, Tafsir al-Tabari, Qahirah: Maktabah Ibn Taymiyyah

al-Tirmidhi, Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa, 2007. Sunan al-Tirmidhi, Beirut: Dar Ibn Kathir

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin Umar, 2012. Tafsir Ibn Kathir, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Muslim, Abu al-Husain, 2008. Sahih Muslim, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Syeikh Muhammad Said Umar. 1970, Tafsir Nur al-Ihsan, Fatani: Matba'ah bin Halabi

TADABBUR AL-QURAN SIRI 1: SURAH AL-FATIHAH & AL-BAQARAH

Aktiviti penghasilan buku dalam bidang tafsir al-Quran telah lama giat dijalankan oleh para sarjana Islam. Buku-buku yang dihasilkan itu bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada pembaca, malah ia juga berupaya memberi sumbangan dalam menyebarkan panduan dan kehendak agama Islam yang sebenarnya kepada masyarakat dengan lebih berkesan. Hal ini terhasil berikutan para guru di madrasah, institusi pondok, masjid dan surau di seluruh Malaysia menggunakan karya-karya tersebut sebagai bahan dalam penyampaian ilmu berkaitan tafsir al-Quran. Oleh itu, buku kecil ini disusun secara berperingkat yang dicadangkan akan diterbitkan sebanyak 60 siri pada setiap tahun. Buku ini menggunakan karya Tafsir Nur al-Ihsan, karangan Syeikh Muhammad Said bin Omar sebagai rujukan utama penulisan. Syeikh Muhammad Said bin Omar merupakan satu-satunya ulama Kedah yang berjaya menghasilkan tafsir berbahasa Melayu lengkap 30 juzuk al-Quran. Selain itu, tafsiran dan huraian dari karya-karya muktabar lain seperti Tafsir al-Jalalyn, Tafsir al-Jamal, Tafsir al-Tabari, Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim turun digunakan. Oleh itu, diharapkan dengan terbitnya karya kecil ini sedikit sebanyak dapat memudahkan pembaca dalam memahami maksud ayat-ayat al-Quran. Kepada Allah SWT dipanjatkan semoga-moga buku kecil ini dapat menjadi salah satu aset berharga di akhirat nanti.

